




LAPORAN TAHUNAN

2015

JABATAN
PENDAFTARAN
PERTUBUHAN
MALAYSIA





CETAKAN PERTAMA, 2015

© JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

Hak cipta ini adalah milik JPPM. Kesemua atau mana-mana bahagian laporan ini disalin dengan syarat pengakuan sumber dibuat atau kebenaran diperolehi daripada JPPM. JPPM menyangkal sebarang tanggungjawab, waranti dan liabiliti sama ada secara nyata atau tidak ke atas sebarang salinan penerbitan yang dibuat tanpa kebenaran JPPM. Adalah perlu memaklumkan penggunaan. Hak cipta terpelihara.

LAPORAN TAHUNAN 2015



ISI KANDUNGAN

	Perutusan Ketua Setiausaha	2
	Perutusan Pendaftar Pertubuhan	3
1.0	MAKLUMAT KORPORAT JPPM	
	Akta Pendaftaran Pertubuhan 1966	6
	Peraturan-peraturan Pendaftaran Pertubuhan 1984	6
	Logo JPPM	7
	Visi, Misi dan Objektif	7
	Fungsi-fungsi dan aktiviti-aktiviti utama termasuk aktiviti sokongan	8
	Piagam Pelanggan	10
	Nilai-Nilai Bersama	11
	Kepimpinan Jabatan	
	Pengurusan Tertinggi	12
	Pengurusan Negeri-negeri	13
	Carta Organisasi Struktur Korporat JPPM	14
	Pelan Strategik JPPM 2015-2020	15
2.0	LAPORAN PENCAPAIAN	
	Pengurusan Pertubuhan	
	Pengurusan Sumber Manusia	
	Penguatkuasaan Ke Atas Pertubuhan	24
	Pengurusan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi	27
		32
3.0	NUKILAN KEJAYAAN	36
	Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015	44
4.0	PROGRAM SOSIAL DAN KEBAJIKAN	60
5.0	PROGRAM JALINAN KERJASAMA	64
6.0	ARKIB BERITA	68

Perutusan

KETUA SETIAUSAHA



Assalamualaikum dan Selamat Sejahtera.

Alhamdulillah dipanjatkan rasa kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinanNya jua kita dapat terus menyumbang ke arah kecemerlangan dan kegemilangan Kementerian Dalam Negeri sejajar dengan Visi Kementerian sebagai Peneraju Keselamatan Dalam Negeri.

Syabas dan tahniah diucapkan kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) di atas segala usaha dan inisiatif yang telah dicurahkan di dalam menerbitkan Laporan Tahunan Jabatan bagi tahun 2015. Penerbitan buku laporan tahunan ini diharap dapat memberi gambaran yang jelas mengenai fungsi dan peranan JPPM sebagai penyimpan rekod pendaftaran semua pertubuhan berdaftar di Malaysia.

KDN sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama kepada JPPM dalam melaksanakan transformasi dari semasa ke semasa demi meningkatkan imej dan sistem penyampaian JPPM khususnya kepada pertubuhan-pertubuhan berdaftar yang terdapat di negara ini. Usaha menggerakkan aktiviti kesukarelaan akan lebih mudah direalisasikan melalui peranan dan kerjasama yang dimainkan oleh pertubuhan-pertubuhan berdaftar.

Justeru, peranan JPPM menjadi bertambah penting di dalam memastikan pertubuhan-pertubuhan berdaftar dapat bergerak secara proaktif, sihat dan seterusnya menjadi faktor penyumbang kepada keselamatan, kestabilan dan pembangunan sosio-ekonomi rakyat secara keseluruhannya.

Justeru saya mengambil kesempatan murni ini mengucapkan syabas dan selamat maju jaya kepada semua warga JPPM.

Sekian, Wassalam.

DATO' SRI ALWI BIN HAJI IBRAHIM
Ketua Setiausaha
Kementerian Dalam Negeri

Sekapur Sireh

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

Assalamualaikum dan Salam Harmoni.

Alhamdulillah, bersyukur kita ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izinNya, Laporan Tahunan bagi tahun 2015 dapat diterbitkan untuk rujukan semua warga Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia [JPPM] dan organisasi kerajaan yang lain. Syabas dan tahniah diucapkan kepada semua yang terlibat dalam menyempurnakan penerbitan Laporan Tahunan bagi tahun ini.

Sesungguhnya, pada tahun 2015 ini, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia [JPPM] telah melakar sejarah yang tersendiri. Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia [JPPM] telah mencapai kecemerlangan yang luar biasa pada tahun 2015 iaitu Karnival Pertubuhan Kebangsaan Tahun 2015 yang telah dirasmikan oleh YB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi, Menteri Dalam Negeri bertempat di Bandar Tasik Darulaman, Jitra, Kedah. Temanya ialah " Dari Pertubuhan Kepada Masyarakat ". Kecemerlangan seumpama ini perlu diteruskan berbekalkan sokongan padu tanpa berbelah bagi daripada semua warga JPPM.

Visi JPPM iaitu sebagai " Peneraju Pembangunan Masyarakat Sipil" manakala Misi JPPM iaitu "Memperkasakan Pertubuhan ke Arah Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat" perlu disematkan di dalam sanubari semua warga kerja JPPM supaya setiap tugas dapat dilaksanakan dengan lebih efisien bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Akhir kalam, Jabatan ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kementerian dan agensi-agensi Kerajaan yang sentiasa memberikan sokongan dan kerjasama yang berterusan kepada JPPM dalam pembangunan masyarakat sivil.

Sekian, Wassalam.

"PELUANG UNTUK KEBAJIKAN".

DATO' MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH
Pendaftar Pertubuhan Malaysia







TAJUK
1

MAKLUMAT
KORPORAT

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (ROS)

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia [JPPM] bertanggungjawab mentadbir dan menguatkuasakan Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984 yang mana secara ringkasnya memperuntukkan kuasa bagi Jabatan untuk mengawal dan mengawasi pertubuhan supaya tidak bertentangan dengan keselamatan, ketenteraman awam, ketertiban atau akhlak negara Malaysia serta mengurus dan menyimpan rekod-rekod pendaftaran berkaitan dengan pertubuhan dan cawangan pertubuhan berdaftar. JPPM diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat JPPM di 14 buah negeri dan sebuah cawangan kecil di Miri, Sarawak pula diketuai oleh Penolong Pendaftar Pertubuhan. Motto JPPM adalah *“Peluang Untuk Kebajikan”* atau *“Reverence Of Sharing”*.

Akta Pertubuhan 1966

Akta Pertubuhan 1966 [Akta 335] adalah hasil percantuman tiga ordinan yang berlainan sebelum ia diluluskan, iaitu **Ordinan 1949** untuk Persekutuan Tanah Melayu, **Ordinan Pertubuhan 1957** bagi negeri Sarawak dan **Ordinan Pertubuhan 1961** bagi negeri Sabah.

Akibat daripada Akta Pertubuhan 1966 itu, Jabatan Pendaftaran Pertubuhan telah diwujudkan dalam tahun 1966 untuk menguatkuasakan akta tersebut berikutan pemisahan fungsi kawal selia pertubuhan daripada pejabat Pendaftaran Kesatuan Sekerja. Jabatan ini terletak di bawah bidang kuasa Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri Malaysia pada ketika itu, yang mana kini dikenali dengan nama Kementerian Dalam Negeri [KDN].

Di bawah seksyen 2 akta ini, sesuatu ‘pertubuhan’ ditakrif sebagai termasuk mana-mana kelab, syarikat, perkongsian atau persatuan dengan tujuh [7] atau lebih orang tidak kira apa jua jenis atau tujuannya, sama ada sementara atau kekal.

PERATURAN-PERATURAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN 1984

Peraturan-peraturan Pertubuhan 1984 ini merupakan peraturan-peraturan berkenaan perihal pendaftaran pertubuhan, termasuklah dari segi tafsiran, prosedur permohonan pendaftaran pertubuhan, akuan penerimaan permohonan, perakuan pendaftaran, pemberitahuan mengenai keputusan Pendaftar menolak pendaftaran pertubuhan tempatan, permohonan pertukaran nama atau menubuhkan persatuan cawangan, permohonan bagi pembatalan pendaftaran, kuasa pendaftar untuk mem perkara yang berkaitan dari proses pendaftaran sehingga proses pembubaran sesuatu pertubuhan.

LOGO JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA




Melambangkan penyatuan masyarakat majmuk terdiri daripada pelbagai bangsa dan agama



Selain itu, ia membentuk bunga yang mempunyai 5 kelopak melambangkan 5 Rukun Negara



Melambangkan kebebasan dalam memupuk kelompok masyarakat



Melambangkan penguatkuasaan undang-undang yang harus ditepati oleh setiap badan atau pertubuhan



Biru melambangkan dedikasi sepertimana JPPM berusaha membangunkan pertubuhan yang baharu



Turquoise melambangkan pertubuhan lestari yang bernaung di bawah JPPM



Kuning melambangkan kecemerlangan dan menuju kemajuan



Merah melambangkan semangat JPPM yang waja, berani dalam menerajui pembangunan pertubuhan



Putih melambangkan keikhlasan pihak JPPM dalam melaksanakan tanggungjawab dalam memupuk masyarakat yang harmoni

OBJEKTIF

> Memastikan pertubuhan berdaftar bergerak sejajar dengan Akta Pertubuhan 1966, Undang-undang Tubuh pertubuhan dan Dasar-Dasar negara

VISI

> Peneraju Pembangunan Masyarakat Sipil

MISI

> Memperkasakan Pertubuhan ke Arah Pembangunan dan Kesejahteraan Rakyat

FUNGSI-FUNGSI DAN AKTIVITI-AKTIVITI UTAMA TERMASUK AKTIVITI SOKONGAN

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia di ibu pejabat, Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan

1. Peringkat Ibu Pejabat

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat (4) bahagian, iaitu Bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut:

a. Bahagian Pengurusan Pertubuhan

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Selain mengeluarkan surat-surat perintah pembatalan, pertimbangan permohonan pindaan undang-undang, permohonan bergerak sementara, pelantikan pegawai harta dan pegawai awam, Ibu Pejabat juga bertanggungjawab memproses permohonan rayuan berkaitan penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan untuk dikemukakan kepada Kementerian bagi pertimbangan YAB Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Dalam Negeri.

b. Bahagian Penguatkuasaan

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai urusan pemeriksaan, siasatan aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan, pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Perlembagaan Pertubuhan dan Dasar-dasar Negara. Bahagian ini bekerjasama dengan Unit Penguatkuasaan JPPM Negeri dalam tugas-tugas pemeriksaan dan siasatan ke atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar di negeri berkenaan.

c. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun dan menyelenggara sistem teknologi maklumat Jabatan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memastikan rangkaian talian yang menghubungkan antara Ibu Pejabat dan JPPM Negeri sentiasa berada dalam keadaan memuaskan dan beroperasi dengan baik.

d. Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

2. Peringkat JPPM Negeri

Pada dasarnya tugas dan tanggungjawab JPPM Negeri adalah sama seperti tanggungjawab di Ibu Pejabat, iaitu menerima, memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran pertubuhan kecuali menyemak permohonan bagi kategori politik, perdagangan, antarabangsa, agama dan lain-lain pertubuhan di peringkat nasional. Struktur JPPM Negeri terbahagi kepada empat (4) cawangan iaitu Cawangan Pengurusan Pertubuhan, Cawangan Kawalan, Cawangan Penguatkuasaan dan Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Tugas dan tanggungjawab setiap cawangan adalah seperti berikut:

a. Cawangan Pengurusan Pertubuhan

Cawangan ini bertanggungjawab memproses permohonan pendaftaran pertubuhan, bergerak sementara, pindaan undang-undang, pertukaran nama pertubuhan dan alamat berdaftar, pendaftaran pegawai harta dan pegawai awam. Cawangan ini juga bertanggungjawab memberi khidmat nasihat serta bimbingan mengenai pengurusan pertubuhan melalui program ceramah dan taklimat.

b. Cawangan Kawalan

Cawangan ini bertanggungjawab menerima, memantau dan menyemak Penyata Tahunan yang dihantar oleh pertubuhan induk dan cawangan. Melalui semakan Penyata Tahunan, cawangan ini memastikan pengurusan kewangan pertubuhan adalah teratur, kepentingan dan hak-hak ahli terjamin. Selain itu, cawangan ini juga bertanggungjawab mengeluarkan notis-notis di bawah Seksyen 13(2), 14(2), dan 14(5) serta mengesyorkan pembatalan sesebuah pertubuhan yang gagal mematuhi kehendak notis-notis yang dikeluarkan.

c. Cawangan Penguatkuasaan

Cawangan Penguatkuasaan bertanggungjawab melakukan lawatan pemeriksaan ke atas pertubuhan berdaftar secara bernotis atau tanpa notis. Cawangan ini juga bertanggungjawab menjalankan siasatan ke atas semua aduan yang diterima sama ada yang melanggar peruntukan-peruntukan di bawah Akta Pertubuhan 1966 atau Perlembagaan Pertubuhan serta melakukan risikan ke atas pertubuhan tidak berdaftar yang diyakini bergerak aktif.

d. Cawangan Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan

Cawangan ini bertanggungjawab mengenai pengurusan sumber manusia, pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti serta keselamatan. Selain itu, cawangan ini turut berfungsi dalam mengawal perbelanjaan dan kutipan hasil Jabatan di peringkat negeri.

PIAGAM PELANGGAN JPPM

5 Hari Bekerja	Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Induk baharu yang lengkap dan memenuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966
5 Hari Bekerja	Permohonan Pendaftaran Pertubuhan Cawangan baharu yang lengkap dan memenuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966
23 Hari Bekerja	Permohonan Pindaan Perlembagaan yang lengkap dan memenuhi kehendak Akta Pertubuhan 1966
1 Hari Bekerja	Permohonan Pendaftaran Pegawai Awam yang lengkap
1 Hari Bekerja	Permohonan Pendaftaran Pegawai Harta yang lengkap
179 Hari Bekerja	Menyiasat dan membuat keputusan terhadap aduan pertubuhan (tidak termasuk bagi kes pendakwaan)
i. 1 Jam selepas bayaran dibuat ii. 1 Jam selepas proses reconcile	Carian dokumen pertubuhan: • Melalui kaunter JPPM / melalui Pos • Melalui e-ROSES

NILAI-NILAI BERSAMA

Selaras dengan usaha-usaha penerapan dan pemantapan nilai-nilai murni di kalangan pegawai-pegawai Jabatan, Kod Etika disediakan sebagai panduan untuk memastikan penyampaian perkhidmatan yang terbaik kepada pelanggan daripada Stakeholders. Kod Etika Jabatan mengandungi empat [4] prinsip utama seperti berikut:

Profesionalisme

Sentiasa menjalankan tugas tanpa pilih kasih, sentiasa objektif dan tidak mementingkan diri serta sentiasa berusaha untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan.

Bekerja sebagai satu pasukan

Bekerja kearah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.

Berorientasikan perkhidmatan

Sentiasa melaksanakan tugas dengan segera [sense of urgency] dan melakukan yang terbaik untuk mencapai kecemerlangan serta sentiasa berusaha menambahbaik dan meningkatkan prestasi kerja.

Berhemah dan berwibawa

Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabra serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan. Bersedia menerima teguran dan kritikan berguna.



PENGURUSAN TERTINGGI

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

**YBHG. DATO'
MUHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH**
KETUA PENGARAH

YBHG. DATUK YAHAYA BIN MOHAMAD
TIMBALAN KETUA PENGARAH

**ENCIK DASMOND DAS
A/L MICHAEL DAS**
PENGARAH BAHAGIAN
PENGURUSAN PERTUBUHAN

ENCIK YUSSERI BIN AHMAD
PENGARAH
BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

**PUAN NOOR AZAH BINTI
ABDUL RAHMAN**
PENGARAH BAHAGIAN
PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

PUAN NOOR IZZATI BINTI ISMAIL
PENGARAH BAHAGIAN
SUMBER MANUSIA DAN
KHIDMAT PENGURUSAN

ENCIK MOHD ZAFFWAN BIN AB GHAFAR
PENGARAH JPPM WILAYAH PERSEKUTUAN
KUALA LUMPUR

PUAN YAP CHU SEAN
PENGARAH JPPM NEGERI
JOHOR

ENCIK NORAFFENDY BIN ABD KHALID
PENGARAH JPPM NEGERI
SELANGOR

PUAN NORHASMALIANA BINTI ISMAIL
PENGARAH JPPM NEGERI
PERAK

PUAN NOOR ATIKAH BINTI MOKHTAR
PENGARAH JPPM NEGERI
PAHANG

PUAN DALILA DIYANA BINTI MAT ZAID
PENGARAH JPPM NEGERI
KELANTAN

ENCIK NELBON TULIS MISSUN
PENGARAH JPPM NEGERI
SABAH

EN KEN LEBEN
PENGARAH JPPM NEGERI
SARAWAK

**ENCIK ZULKIFLEE BIN MOHAMAD
@ HANIFFA**
PENGARAH JPPM NEGERI
TERENGGANU

ENCIK RAE MORN A/L VERAK
PENGARAH JPPM NEGERI
KEDAH

ENCIK ANUAR BIN ISA
PENGARAH JPPM NEGERI
PULAU PINANG

ENCIK NOOR AZFAR AKMAL BIN BAHARA
PENGARAH JPPM NEGERI
NEGERI SEMBILAN

PUAN NURHAFIDAH BINTI ALI
PENGARAH JPPM NEGERI
MELAKA

PUAN ROHAIDA BINTI HASSAN
PENGARAH JPPM NEGERI
PERLIS

STRUKTUR ORGANISASI

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia beribu pejabat di Putrajaya dan mempunyai 14 buah pejabat negeri serta sebuah cawangan di Miri. Jabatan ini diketuai oleh Pendaftar Pertubuhan dan dibantu oleh Timbalan Pendaftar Pertubuhan. Pejabat-pejabat JPPM negeri pula diketuai oleh Pengarah/Penolong Pendaftar Pertubuhan. Jumlah semasa perjawatan Jabatan adalah sebanyak 266. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 22 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 244 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan.

PERINGKAT IBU PEJABAT

Struktur organisasi Ibu Pejabat terdiri daripada empat [4] bahagian, iaitu bahagian Pengurusan Pertubuhan, Bahagian Penguatkuasaan, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat serta bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan. Fungsi dan tanggungjawab setiap bahagian berkenaan adalah seperti berikut :

1.1. BAHAGIAN PENGURUSAN PERTUBUHAN

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan pendaftaran pertubuhan dan pemantauan pertubuhan-pertubuhan berdaftar. Selain mempertimbangkan permohonan bergerak sementara, permohonan pindaan undang-undang, pelantikan pegawai harta dan pegawai awam, mengeluarkan surat-surat perintah pembatalan. Bahagian ini juga bertanggungjawab memproses permohonan rayuan berkaitan penolakan atau pembatalan keatas pendaftaran pertubuhan untuk dikemukakan kepada Kementerian bagi pertimbangan Y.B. Menteri Dalam Negeri.

1.2. BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Bahagian ini bertanggungjawab mengenai urusan pemeriksaan, siasatan aduan, risikan dan pendakwaan bagi memastikan pengurusan pertubuhan, pelaksanaan program/aktiviti pertubuhan selaras dengan Akta Pertubuhan 1966, Perlembagaan Pertubuhan dan Dasar-Dasar Negara. Bahagian ini bekerjasama dengan Cawangan Penguatkuasaan JPPM Negeri dalam tugas-tugas pemeriksaan dan siasatan ke atas pertubuhan-pertubuhan berdaftar di negeri berkenaan.

1.3. BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat bertanggungjawab merancang, mengurus, membangun dan menyelenggara segala sistem maklumat berkomputer dan elemen berkaitan ICT Jabatan bagi memenuhi keperluan semasa. Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat terbahagi kepada tiga cawangan iaitu Cawangan Analisis, Cawangan Teknikal dan Cawangan Dasar ICT.

1.4. BAHAGIAN SUMBER MANUSIA DAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pengurusan Bahagian Sumber Manusia dan Khidmat Pengurusan bertanggungjawab terhadap hal-hal berkaitan perkhidmatan, perjawatan, latihan serta pengurusan prestasi dan disiplin pegawai. Selain itu, bahagian ini juga menguruskan hal-hal berkaitan pengurusan dan pentadbiran am pejabat, pengurusan kualiti dan produktiviti, perhubungan awam dan khidmat korporat serta keselamatan. Bahagian ini turut berfungsi dalam menguruskan kewangan dan akaun Jabatan.

CARTA ORGANISASI

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA



CAWANGAN JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA DI 14 NEGERI

PELAN STRATEGIK 2015 - 2020

ISU/CABARAN STRATEGIK

Dalam usaha untuk melonjakkan JPPM sebagai sebuah organisasi yang cemerlang, Jabatan sentiasa peka terhadap pelbagai cabaran semasa yang memberi kesan kepada perubahan struktur dan fokus penugasan Jabatan samada di peringkat pusat mahupun negeri. Isu-isu semasa kini meliputi perubahan kepada bentuk ancaman di peringkat global, kepesatan teknologi ICT dan telekomunikasi serta peralihan kepada ekonomi berasaskan pengetahuan [knowledge based economy] telah menjana cabaran yang lebih kompleks kepada penyampaian perkhidmatan Jabatan. Untuk merangka pelan strategik ini, beberapa isu dan cabaran yang memberikan impak kepada prestasi Jabatan telah dikenalpasti.

Dalam menyusuri perjalanan, banyak cabaran dan rintangan yang perlu ditempuhi oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia.

Bagi tempoh lima [5] tahun akan datang lapan [8] cabaran [dalaman dan luaran] telah dikenalpasti dan perlu ditempuhi oleh Jabatan.



KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN



PERUNDANGAN



PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN



INTEGRITI



MODAL INSAN



TEKNOLOGI



PEMBANGUNAN PERTUBUHAN



GLOBALISASI

CABARAN DALAMAN DAN LUARAN

1. KESELAMATAN DAN KESEJAHTERAAN

Keselamatan adalah merupakan fokus utama kepada Jabatan pendaftaran Pertubuhan Malaysia. Berbanding masa lalu, masyarakat kini mempunyai akses yang cepat serta mudah untuk dicapai dalam apa perkara sekalipun. Oleh yang demikian, tuntutan kepada keselamatan yang lebih baik adalah sangat tinggi. Bagi Jabatan, kewujudan banyak pertubuhan yang tidak berdaftar merupakan cabaran yang perlu diberi perhatian dari aspek keselamatan. Ini kerana, kewujudannya boleh menggugat keharmonian masyarakat seperti penyaluran maklumat yang tidak tepat selain boleh menjadikan pertubuhan yang tidak berdaftar ini sebagai platform untuk menghasut masyarakat. Selain itu juga, dalam menangani isu ini selalunya Jabatan akan disalahertikan seolah-olah telah mengeneppikan hak masyarakat untuk berpertubuhan sepertimana termaktub di dalam Fasal 10, Perlembagaan Negara.

Selain daripada isu-isu luaran, isu dalaman seperti peningkatan ekspektasi daripada stakeholders berkaitan keselamatan, pengurusan kes-kes berprofil tinggi dan pengaruh serta campur tangan dalam melaksanakan tugas juga merupakan antara cabaran yang perlu ditempuhi oleh Jabatan.

PELAN TINDAKAN.

- Mempergiatkan risikan, siasatan dan tindakan pendakwaan terhadap pertubuhan-pertubuhan yang tidak berdaftar (illegal society);
- Mempergiatkan penglibatan stakeholders dalam program-program Jabatan;
- Jaringan kerjasama dengan Jabatan-Jabatan lain yang ada kaitan dengan pertubuhan;
- Meningkatkan tindakan terhadap pertubuhan yang menjalankan aktiviti di luar objektifnya;
- Mewujudkan unit khas bagi menguruskan krisis dan kes-kes berprofil tinggi;
- Meningkatkan kepakaran kakitangan dalam pengesanan awal pemalsuan dan penyalahgunaan maklumat serta keterangan;
- Memantapkan fungsi penguatkuasaan;
- Menguatkuasakan undang-undang mengikut prosedur yang ditetapkan dalam akta dan peraturan tanpa pengaruh luar; dan
- Memastikan pertubuhan berdaftar tidak mengganggu-gugat keselamatan, ketenteraman dan moraliti masyarakat Malaysia.

2. PERUNDANGAN

Perjalanan dan kewujudan JPPM adalah berteraskan kepada Akta Pertubuhan 1966. Dalam perundangan, cabaran utama kepada Jabatan adalah untuk melaksanakan Akta tersebut. Kelemahan dalam pengutkuasaan perundangan ini akan menyebabkan pertubuhan samada berdaftar atau tidak sukar untuk dikawal. Cabaran ini adalah sangat besar dan berat serta perlu untuk ditangani segera. Pertubuhan yang telah membuat kesalahan perlu didakwa dan diambil tindakan sewajarnya mengikut peruntukan undang-undang.

Selain daripada itu, kesukaran untuk meminda Akta bagi tujuan penambahbaikan adalah juga merupakan cabaran kepada Jabatan. Keperluan meminda Akta adalah sangat perlu bagi memastikan perundangan yang digunapakai dalam mengawal pergerakan berpersatuan ini adalah terkini dan relevan kepada keadaan semasa.

PELAN TINDAKAN.

- Memperkukuhkan dan memantapkan latihan siasatan dan pendakwaan untuk meningkatkan tahap kualiti penguatkuasaan;
- Meneruskan usaha menyemak dan meminda Akta Pertubuhan 1966 dan Peraturan-Peraturan Pertubuhan 1984;
- Memperkukuhkan Standard Operating Procedure [SOP] siasatan dan mewujudkan SOP pendakwaan; dan
- Mewujudkan unit yang bertanggungjawab dan patuh kepada Anti-Money Laundering Act [AMLA] serta penghantaran kakitangan untuk latihan dengan agensi-agensi berkaitan.

3. PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Penyampaian perkhidmatan merupakan komponen penting dalam mengukur prestasi Jabatan berdasarkan Petunjuk Utama Prestasi [KPI]. Penyampaian perkhidmatan yang baik dan efektif akan memberi petunjuk bahawa Jabatan adalah berprestasi tinggi. Oleh itu menjadi cabaran yang besar kepada Jabatan dalam menangani ekspektasi pelanggan yang semakin meningkat. Selain daripada itu, komunikasi berkesan dalaman dan juga luaran juga merupakan cabaran dalam penyampaian perkhidmatan.

Jabatan dianggap tidak berkepentingan dalam pembangunan negara dan masyarakat serta Jabatan dianggap hanya sebagai Pendaftar dan bukannya Enabler [persepsi negatif], juga merupakan cabaran dalam penyampaian perkhidmatan.

PELAN TINDAKAN.

- Mempertingkatkan aktiviti penerangan dan mendidik pelanggan;
- Mengubah mindset dan menghadiri kursus komunikasi berkesan;
- Jabatan memberi pengiktirafan kepada pertubuhan untuk menggalakkan pertubuhan menyumbang kepada masyarakat;
- Mengubah hala tuju Jabatan daripada Pendaftar kepada Enabler dan dijadikan fungsi utama organisasi; dan
- Melaksanakan enam [6] prinsip merakyatkan perkhidmatan awam.

4. INTEGRITI

Integriti membawa maksud keutuhan dari semua segi yang baik dan menjurus ke arah perwatakan seseorang yang berkaitan kejujuran, ketulusan, kesempurnaan dan keutuhan.

Dari sudut Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, penerapan kepada nilai-nilai yang baik dan juga penekanan kepada kepentingan untuk menjalankan tugas dengan berkesan dan amanah adalah merupakan satu cabaran utama. Seringkali isu-isu seperti kerja sambil lewa, tidak amanah, menyalahgunakan kuasa dan pelbagai lagi perwatakan yang tidak baik ditimbulkan di kalangan warga Jabatan. Oleh itu, penerapan nilai dan budaya berintegriti adalah fokus kepada Jabatan dalam meningkatkan imej di mata masyarakat.

PELAN TINDAKAN.

- Mematuhi dan mengemaskini prosedur kualiti kerja / MS ISO / Manual Prosedur Kerja;
- Melatih serta membudayakan warga menjadi professional, bertindak sebagai satu pasukan, cemerlang serta unggul;
- Mewujudkan Pelan Integriti Organisasi (PIO); dan
- Menerapkan budaya dan kualiti kepimpinan secara holistik.

5. MODAL INSAN

Modal insan merupakan tunjang kepada kejayaan sesebuah organisasi. Kompetensi modal insan seharusnya selari dan sejajar dengan peredaran masa dan kehendak stakeholder. Pengekalan tahap kompetensi adalah merupakan cabaran yang perlu dilihat oleh Jabatan. Selain itu, isu-isu seperti tahap motivasi yang rendah, kekerapan pertukaran pegawai, kemahiran pelbagai tugas (multi-tasking) yang rendah dikalangan kakitangan, dan gred perjawatan pegawai yang rendah merupakan antara cabaran lain yang juga akan memberi kesan kepada modal insan Jabatan.

PELAN TINDAKAN.

- Menyediakan latihan / in-house training kepada kakitangan;
- Penstrukturan semula perjawatan;
- Mewujudkan skim perjawatan tertutup;
- Menambahbaik kemahiran dan kepakaran dalam semua bidang dalam Jabatan – pusingan kerja; dan
- Memberi pengiktirafan dan penghargaan.

6. PERKEMBANGAN TEKNOLOGI

Peredaran masa telah membawa kepada perkembangan teknologi yang kian pesat. Melengkapkan peralatan dan teknologi terkini merupakan cabaran yang harus dan perlu ditempuhi oleh Jabatan selain kemahiran dan penguasaan teknologi yang terhad dikalangan warga Jabatan merupakan antara cabaran yang perlu ditangani.

PELAN TINDAKAN.

- Memantapkan dan mempertingkatkan infrastruktur ICT Jabatan dengan teknologi terkini;
- Mengurangkan kebergantungan kepada vendor (latihan dan pendedahan praktikal secara dalaman);
- Menambah perjawatan pegawai berkemahiran ICT; dan
- Mewujudkan pasukan pakar bagi ICT.

7. PEMBANGUNAN PERTUBUHAN

Tahap kemahiran dan kematangan pertubuhan di Malaysia dilihat masih di tahap yang rendah berbanding dengan negara-negara lain. Sehubungan itu, pembangunan pertubuhan adalah sangat penting bagi merialisasikan visi Jabatan bagi membangunkan masyarakat sivil di Negara ini. Secara amnya, cabaran dalam membangunkan pertubuhan adalah dari segi memastikan sesuatu pertubuhan itu boleh berdiri dengan sendirinya tanpa mengharapkan bantuan orang lain. Antaranya adalah memastikan pertubuhan mempunyai punca kewangan yang stabil dan kemahiran pertubuhan dalam penggunaan teknologi.

PELAN TINDAKAN.

- Menyediakan geran bagi pertubuhan di bawah kategori kebajikan;
- Membangunkan pertubuhan melalui program Social Enterprise; dan
- Mewujudkan pusat berbentuk maya dan penyediaan modul-modul latihan untuk kemudahan rujukan pertubuhan.

8. GLOBALISASI

Globalisasi boleh didefinisikan sebagai fenomena yang menjadikan dunia mengecil dan leper dari segi perhubungan manusia berikutan kepantasan perkembangan teknologi maklumat. Masyarakat Barat pula mentakrifkan globalisasi sebagai satu proses kehidupan yang serba luas dan infiniti merangkumi segala aspek kehidupan seperti politik, sosial dan ekonomi yang boleh dirasai oleh seluruh dunia. Setiap perkara yang berlaku memberi impak yang sama dalam konsep dunia tanpa sempadan.

Oleh yang demikian, faktor ini akan mengakibatkan pengawalan pertubuhan akan menjadi lebih sukar kerana keterbukaan dalam penyaluran dan penerimaan maklumat daripada luar. Pengaruh budaya songsang dan pemikiran bebas atas nama memperjuangkan hak asasi manusia merupakan antara contoh kesan daripada globalisasi ini.

PELAN TINDAKAN.

- Pindaan Akta Pertubuhan diperincikan dengan mengambil kira norma-norma yang diamalkan oleh masyarakat berbilang kaum di Malaysia;
- Bekerjasama dengan badan pengamal undang-undang untuk kaedah bagi menghalang pertubuhan memperjuangkan isu seperti hak asasi manusia dalam berpertubuhan; dan
- Mewujudkan modul khusus untuk menyedarkan pertubuhan tentang risiko perjuangan sebegini dalam kursus/program outreach Jabatan.

NILAI-NILAI TERAS

Tadbir urus Jabatan adalah berdasarkan kepada nilai-nilai teras berikut:

- **Profesionalisme**
Sentiasa menjalankan tugas dengan cekap dan pantas, teratur dan efisien serta berusaha meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pembelajaran berterusan untuk mencapai kualiti kerja terbaik, proaktif serta bersedia ke arah multi-tasking dan multi-skilling.
- **Bekerja Sebagai Satu Pasukan (Esprit De Corps)**
Bekerja ke arah mencapai misi dan visi Jabatan dengan sentiasa melibatkan diri dan memberi sumbangan dalam aktiviti Jabatan, berkongsi pengalaman, maklumat dan ilmu pengetahuan.
- **Berhemah dan berwibawa**
Sentiasa jujur, mematuhi peraturan, amanah, berakauntabiliti, tenang dan sabar serta boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan. Bersedia menerima teguran dan kritikan berguna.
- **Integriti**
Memiliki nilai integriti tinggi dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberikan tanpa melibatkan kepentingan peribadi agar JPPM menjadi sebuah Jabatan yang dihormati lagi disegani.
- **Inovasi dan Kreativiti**
Elemen penting yang perlu diterapkan kepada semua warga Jabatan sebagai penyumbang ke arah perubahan organisasi, perkembangan dan pembangunan Jabatan.

KEBERHASILAN (OUTCOME)

Peneraju utama pembangunan masyarakat sivil dengan berpertubuhan ke arah pembangunan dan kesejahteraan rakyat.

OUTCOME:

PERTUBUHAN SEBAGAI EJEN SOSIALISASI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DI MALAYSIA.

OUTCOME:

MASYARAKAT DI MALAYSIA MENJADI SEBUAH MASYARAKAT SIVIL.

MEKANISME PELAKSANAAN

Pelan Strategik JPPM 2015-2020 ini akan dijadikan sebagai panduan serta rujukan dan perlu dilaksanakan dengan penuh tekad, iltizam dan komitmen daripada semua warga JPPM. Bagi memastikan semua pihak yang terlibat melaksanakan peranan dan tanggungjawab masing-masing dalam tempoh lima (5) tahun ini, setiap teras dan langkah strategik yang digariskan akan dipantau dan dikaji semula pelaksanaannya mengikut perancangan sepertimana jadual berikut:

Jadual 1: Jadual Perancangan Pemantauan dan Penilaian Pelan Strategik

BIL.	PERKARA	CADANGAN TEMPOH PELAKSANAAN
1.	Mesyuarat Pemantauan Pelan Strategik	Setiap tahun
2.	Bengkel Penilaian Pencapaian	Setiap tahun
3.	Mesyuarat Penilaian Keberkesanan dan Kajian Semula Pelan Strategik	2017

Penilaian pencapaian akan dijalankan pada setiap tahun. Bagi menentukan keberkesanan pelaksanaan objektif strategik, strategi, program dan pelaksanaan sasaran prestasi yang ditetapkan, kajian semula dan kajian keberkesanan akan dibuat pada tahun 2017. Kajian tersebut akan turut mengambil kira senario semasa perubahan persekitaran, hala tuju strategik Jabatan serta perubahan dalam keutamaan semasa.

Bagi memantapkan tadbir urus serta memastikan pelaksanaan Pelan Strategik JPPM 2015-2020 berjalan dengan lancar dan berkesan, jawatankuasa khas diwujudkan iaitu Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik JPPM dan keahliannya adalah sepertimana di Jadual 2 berikut:

Jadual 2: Keahlian Jawatankuasa Pemantauan Pelan Strategik

JAWATAN	KEAHLIAN
Pengerusi	Ketua Pengarah JPPM
Timbalan Pengerusi	Timbalan Ketua Pengarah JPPM
Setiausaha	Pengarah [Dasar dan Inovasi]
Ahli-Ahli	Ahli Mesyuarat Pengarah-Pengarah

PENUTUP

Sebagai peneraju pembangunan masyarakat sivil di Malaysia, matlamat dan halatuju JPPM adalah jelas. Pelan Strategik JPPM Tahun 2015-2020 telah menggariskan objektif dan strategi ke arah mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan dan ianya perlu dilihat sebagai satu peluang untuk kita melakukan perubahan dalam pengurusan pertubuhan di Malaysia.

Usaha mengenal pasti kelemahan serta kekurangan dalam sistem sedia ada telah dijalankan dan kini tumpuan akan diberikan kepada tindakan penambahbaikan mekanisme pelaksanaan, penyelarasan, pemantauan dan penilaian agar segala program yang dirancang dapat dilaksanakan mengikut tempoh yang disasarkan serta pencapaiannya dapat diukur berdasarkan petunjuk yang ditetapkan.

Kita tidak boleh menoleh ke belakang untuk menilai kejayaan dan kegagalan kita sebaliknya melakukan perubahan untuk terus ke hadapan. Organisasi yang efektif dan berjaya adalah organisasi yang dapat menyesuaikan diri dengan perubahan persekitaran. Pelan Strategik ini juga akan dijadikan sebagai rangka kerja kepada pihak pengurusan untuk memantau hala tuju organisasi serta meningkatkan keupayaan dalamannya bagi mencapai visi dan misi yang telah ditetapkan. Semoga visi dan misi JPPM tercapai sepenuhnya serta dapat memberi manfaat terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat selain berperanan bagi memperkukuh dan mentransformasi agenda keselamatan Negara ke arah yang lebih dinamik dan inklusif.





Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM)
Registry of Societies (ROS)
Kementerian Dalam Negeri




TAJUK
2

LAPORAN
PENCAPAIAN


PENGURUSAN PERTUBUHAN

- 2.1 Sepanjang tahun 2015, Jabatan telah menerima sebanyak 10,284 permohonan pendaftaran pertubuhan [induk].
- 2.2 Manakala bagi permohonan pertubuhan [cawangan] pula, sebanyak 706 permohonan telah diterima.
- 2.3 Lima [5] JPPM Negeri yang mencatatkan jumlah permohonan pendaftaran yang paling tinggi termasuklah JPPM Negeri Selangor iaitu mencatatkan sejumlah 2,817 permohonan. Ia diikuti oleh JPPM WP Kuala Lumpur sebanyak 1,688 permohonan; JPPM Negeri Johor sebanyak 974 permohonan; JPPM Negeri Sabah sebanyak 645 permohonan dan JPPM Negeri Pulau Pinang sebanyak 641 permohonan.
- 2.4 Dalam pada itu, lima [5] kategori pertubuhan yang paling banyak menerima permohonan pendaftaran adalah Kebajikan sebanyak 3,241 permohonan; Sosial sebanyak 2,679 permohonan; Rekreasi sebanyak 1,631 permohonan; Keagamaan sebanyak 1,047 permohonan; dan Perdagangan sebanyak 708 permohonan.
- 2.5 Bagi pertubuhan induk, sebanyak 6,004 permohonan atau 58.4% permohonan telah diluluskan pendaftaran.
- 2.6 Manakala bagi pertubuhan cawangan, sebanyak 479 permohonan atau 68% permohonan telah diluluskan pendaftaran.
- 2.7 Sebab-sebab lazim penolakan termasuklah:
 - 2.7.1 Pertubuhan yang ingin didaftarkan tidak mematuhi kehendak peruntukan Akta Pertubuhan 1966 atau peraturan-peraturan berkaitannya;
 - 2.7.2 Pertubuhan yang ingin didaftarkan gagal memenuhi kehendak Jadual 1 atau 2 Akta Pertubuhan 1966 yang mewajibkan peruntukan beberapa fasal dalam perlembagaan pertubuhan sebelum ianya boleh didaftarkan; dan
 - 2.7.3 Pertubuhan yang ingin didaftarkan mempunyai nama yang hampir sama dengan pertubuhan berdaftar yang lain sehingga boleh menimbulkan kekeliruan.
- 2.8 Graf berikut menunjukkan lima [5] JPPM Negeri dan Kategori yang mencatatkan permohonan pendaftaran induk dan cawangan yang paling tinggi sepanjang tahun 2015:


PERMOHONAN INDUK TAHUN 2015 :
5 NEGERI TERTINGGI




PERMOHONAN INDUK TAHUN 2015 :
5 KATEGORI TERTINGGI



PERMOHONAN CAWANGAN TAHUN 2015 :
5 NEGERI TERTINGGI




PERMOHONAN cawangan TAHUN 2015 :
5 NEGERI TERTINGGI



2.9 Manakala graf sebab penolakan paling lazim bagi tahun 2015 adalah seperti paparan berikut:

PENOLAKAN TAHUN 2015 :
5 SEBAB PENOLAKAN TERTINGGI



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

6. PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Sumber Manusia atau modal insan merupakan pemangkin kepada pembangunan dan kemajuan sesebuah organisasi. Justeru itu, Jabatan sentiasa memastikan semua warganya mendapat latihan secara menyeluruh dan bersesuaian dengan tugas-tugas harian supaya mutu penyampaian perkhidmatan yang diberikan adalah yang terbaik dan memenuhi kehendak semasa pelanggan.

6.1 Perjawatan dan Penempatan

Struktur perjawatan Jabatan terbahagi kepada dua, iaitu perjawatan di peringkat Ibu Pejabat dan peringkat Negeri. Jawatan tertinggi di Jabatan adalah Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred JUSA C dengan gelaran Ketua Pengarah/Pendaftar Pertubuhan Malaysia serta dibantu oleh seorang PTD Gred M54 dengan gelaran Timbalan Ketua Pengarah/Timbalan Pendaftar Pertubuhan Malaysia.

Pejabat JPPM Negeri pula diketuai oleh seorang Pengarah daripada skim Pegawai Tadbir dan Diplomatik (PTD) Gred M48 manakala bagi Negeri Sembilan, Melaka dan Perlis adalah diketuai oleh Pengarah Gred M44.

Jumlah perjawatan Jabatan adalah sebanyak 272. Daripada jumlah ini, 1 perjawatan adalah daripada Pengurusan Tertinggi, 27 perjawatan adalah daripada Kumpulan Pengurusan dan Profesional, manakala 245 perjawatan lagi adalah daripada Kumpulan Sokongan. Kedudukan perjawatan dan pengisian bagi semua kumpulan sehingga 31 Disember 2015 adalah seperti di Jadual 9.

KUMPULAN	BIL.	JAWATAN	GRED	BIL. JAWATAN	BIL. JAWATAN TELAH DIISI	JAWATAN MASIH KOSONG
PENGURUSAN DAN PROFESIONAL	1.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	VU7	1	1	0
	2.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M54	1	1	0
	3.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M48	13	12	1
	4.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M44	6	5	1
	5.	Pegawai Teknologi Maklumat	F44	1	1	0
	6.	Penolong Penguasa Polis	YA16	1	1	0
	7.	Pegawai Tadbir dan Diplomatik	M41/44	2	1	1
	8.	Inspektor	YA13	2	2	0
KUMPULAN SOKONGAN	1.	Penolong Pegawai Tadbir	N36	15	15	0
	2.	Penolong Pegawai Tadbir	N32	28	28	0
	3.	Penolong Akauntan	W32	1	1	0
	4.	Setiausaha Pejabat	N28/32	1	1	0
	5.	Penolong Pegawai Sistem Maklumat	F29/32	3	3	0
	6.	Penolong Pegawai Tadbir	N27	39	36	3
	7.	Setiausaha Pejabat	N27	6	6	0
	8.	Sarjan	YA6/8	1	1	0
	9.	Pembantu Tadbir [Perkeranian/Operasi]	N26	1	0	1
	10.	Pembantu Tadbir [Perkeranian/Operasi]	N22	3	3	0

11.	Pembantu Tadbir [Kewangan]	W22	1	1	0
12.	Pembantu Tadbir [Perkeranian/Operasi]	N17/22	101	98	3
13.	Pembantu Tadbir [Kewangan]	W17/22	4	4	0
14.	Pegawai Khidmat Pelanggan	N17/22	1	0	1
15.	Lans Koperal/Konstabel	YA2/ YA1	3	3	0
16.	Pembantu Operasi	N11/14	21	20	1
17.	Pemandu Kenderaan	H11/14	16	16	0
JUMLAH			272	260	12

Jadual 9: Kedudukan perjawatan dan pengisian sehingga 31 Disember 2015

Pada tahun 2015, Jabatan telah menerima kemasukan seramai 42 orang pegawai baru. Seramai 6 orang pegawai telah mengisi kekosongan di Ibu Pejabat, manakala 36 orang lagi mengisi jawatan di negeri-negeri. Dalam tempoh yang sama, seramai 13 orang pegawai telah bersara wajib/pilihan.

6.2 Latihan dan Kursus

Selaras dengan Dasar Latihan Sumber Manusia Sektor Awam, Jabatan Perkhidmatan Awam [JPA] dan Pelan operasi latihan Jabatan 2013, untuk meningkatkan pembangunan modal insan di Jabatan, latihan kepada pegawai Jabatan dilaksanakan secara Latihan Dalaman dan Latihan Luaran. Latihan Luaran yang diterima oleh warga Jabatan adalah anjuran Jabatan Perkhidmatan Awam, Kementerian Dalam Negeri, Bank Negara Malaysia dan Institusi Latihan Agensi Kerajaan seperti Institut Tadbiran Awam Negara [INTAN].

Secara keseluruhannya, seramai 230 daripada 256 pegawai iaitu 88% berjaya mencapai sasaran tujuh (7) hari berkursus pada tahun 2013. Tiada rekod pegawai tidak menghadiri sebarang kursus dicatatkan sepanjang tahun 2013. Sasaran tujuh hari berkursus secara sekata setiap tahun menunjukkan keperluan latihan dan pendedahan berterusan adalah perlu bagi meningkatkan kualiti kerja dan mutu penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Latihan yang diberikan kepada pegawai Jabatan adalah berkaitan dengan tugas yang diamanahkan dan meliputi keseluruhan fungsi dan peranan Jabatan.

Jadual 10 menunjukkan senarai kursus/bengkel dalaman yang dianjurkan oleh Jabatan sepanjang tahun 2013.

BIL.	KURSUS	TARIKH	BIL. PESERTA
1.	Bengkel Penstrukturan Organisasi JPPM	5 & 6 Februari 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	35 orang
2.	Bengkel Pembangunan Modul Akta Pertubuhan 1966	9-11 Februari 2015 Pusat Latihan ALPHA, Bangi, Selangor	30 orang
3.	Bengkel Modul eROSES [Pasca eROSES]	4-6 Mac 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	34 orang
4.	Bengkel Intensif Projek Kumpulan Inovatif dan Kreatif [KIK]	11-13 Mac 2015 Hotel Grand Sentosa, Johor	41 orang
5.	Kursus Fungsi dan Peranan JPPM	27-29 April 2015 De Baron Resort, Langkawi, Kedah	32 orang
6.	Bengkel Ekosistem Kondusif Sektor Awam [EKSA]	25 Mei 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	50 orang

7.	Bengkel Pengurusan Rekod	25-27 Mei 2015 Hotel Oriental Crystal, Kajang, Selangor	47 orang
8.	Bengkel Pembimbing Rakan Sekerja [PERASA]	28-29 Mei 2015 Pusat Latihan ALPHA, Bangi, Selangor	200 orang
9.	ISMS Awareness Programme	3-5 Jun 2016 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	9 orang
10.	Kursus Pengendalian dan Pembudayaan Emel	3-4 Jun 2015 Hotel Bayview, Pulau Pinang	42 orang
11.	Program Penerapan Nilai-Nilai Murni JPPM	6 Julai 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	55 orang
12.	YII Framework	27-30 Julai 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	15 orang
13.	Kursus Penyediaan Montaj	4-7 Ogos 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	20 orang
14.	Kursus Pengurusan Konflik dan Stres	6-8 Ogos 2015 Akademi Koreksional Malaysia, Langkawi	48 orang
15.	Bengkel Sistem Pengurusan Aset (SPA)	11-12 Ogos 2015 Fasa II Bilik Latihan IT, KDN	31 orang
16.	Bengkel ePerolehan Modul Sebut Harga	13-14 Ogos 2015 Cyberjaya	24 orang
17.	Bengkel Fail Meja (FM) dan Manual Prosedur Kerja (MPK)	22-24 Ogos 2015 Avillion Admiral Cove, Port Dickson	37 orang
18.	Kursus ePerolehan Modul Kontrak dan Pembelian Terus	24-25 Ogos 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	17 orang
19.	Persidangan Pegawai Pendaftaran (RO) JPPM Bil. 1/2015	3-5 September 2015 Avillion Legacy, Melaka	44 orang
20.	Kursus Pengurusan Protokol, Etiket dan Pengurusan Majlis	13-15 September 2015 Cherengin Hills Resort, Pahang	33 orang
21.	Bengkel Pemurnian Draf Pindaan Akta Pertubuhan 1966	19-21 Oktober 2015 Hotel Sani, Kuala Lumpur	25 orang
22.	Bengkel Cadangan Anggaran Perbelanjaan Tahun 2017	16-17 November 2015 Ibu Pejabat JPPM, Putrajaya	34 orang
23.	Bengkel Code of Good Governance	22-24 November 2015 Casuarina@Meru, Ipoh, Perak	20 orang

Jadual 10: Kursus/Bengkel dalaman anjuran Jabatan

6.3 Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2015

Seramai 21 orang pegawai Jabatan telah terpilih untuk menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun 2015 kerana menunjukkan prestasi kerja yang cemerlang sepanjang tahun 2014. Penerima-penerima Anugerah adalah terdiri daripada 4 pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional, 11 orang pegawai Kumpulan Sokongan I (Gred 17-36) dan 6 orang pegawai Kumpulan Sokongan II (Gred 11).

PERKHIDMATAN PENGURUSAN PEJABAT

Bagi merangka, merancang dan menambahbaik mutu penyampaian perkhidmatan sedia ada, Jabatan menyediakan platform untuk membincangkan segala isu dan masalah yang timbul semasa menjalankan tugas dengan mengadakan mesyuarat-mesyuarat utama Jabatan mengikut jadual yang ditetapkan.

Selain itu, Jabatan juga memastikan dan menyelaras semua program dan aktiviti Jabatan dilaksanakan berdasarkan takwim yang dirancang.

Mesyuarat-mesyuarat Utama Jabatan

i) Mesyuarat Pengurusan Jabatan

Mesyuarat Pengurusan Jabatan diadakan di Ibu Pejabat dan semua Pejabat Negeri secara bulanan. Mesyuarat ini diadakan bertujuan untuk membincangkan hal-hal pengurusan pejabat termasuk pemantauan pelaksanaan program-program Jabatan, pengurusan kewangan dan akaun serta hal-hal keselamatan pejabat. Mesyuarat juga turut membincangkan isu-isu berkaitan pertubuhan yang merupakan aktiviti utama Jabatan.

ii) Mesyuarat Pengarah-Pengarah [Pengurusan Pertubuhan/ Pengurusan]

Mesyuarat ini diadakan secara berkala iaitu setiap dua [2] bulan bagi membincangkan membincangkan hal-hal berkaitan perkhidmatan teras Jabatan, perkhidmatan sokongan Jabatan dan juga penambahbaikan terhadap pengurusan Jabatan secara keseluruhan. Dalam mesyuarat ini juga akan membincangkan dasar/hala tuju Jabatan berdasarkan kepada kertas kerja yang dibentangkan.

iii) Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan [MBJ]

Mesyuarat Majlis Bersama Jabatan [MBJ] diadakan sebanyak empat [4] kali setahun semasa selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 2 Tahun 1992 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 2002 yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia. Mesyuarat ini merupakan saluran dua hala di antara Pihak Pegawai dan Pihak Pekerja di dalam menyelesaikan masalah perkhidmatan dan kebajikan pihak pekerja. Ianya juga merupakan landasan untuk pihak pekerja menyuarakan pendapat dan membincang dan menyelesaikan isu berkaitan sistem kerja, urusan pentadbiran, kebajikan pekerja dan perjalanan organisasi serta menyumbang ide-ide baru bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

iv) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun [JPKA]

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun diadakan sebanyak tiga kali pada tahun semasa selaras dengan 1Pekeliling Perbendaharaan PS 5.1. Mesyuarat bilangan keempat diadakan pada tahun berikutnya selepas penutupan kira-kira dan akaun Jabatan pada 31 Disember setiap tahun untuk membentangkan prestasi dan perbelanjaan keseluruhan Jabatan. Mesyuarat ini diadakan secara berkala untuk memantau Perbelanjaan Peruntukan Mengurus dan Pembangunan, menilai prestasi pengurusan kewangan dan akaun, memperbaiki teguran audit dan melaksanakan arahan-arahan semasa Kerajaan berkaitan pengurusan kewangan.

v) Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan [JKPAK]

Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Alih Kerajaan diadakan bertujuan untuk memastikan pengurusan aset Jabatan dilaksanakan secara cekap, teratur dan berkesan serta membentangkan laporan peruntukan bagi perolehan aset, kedudukan semasa aset alih dan laporan kedudukan stok suku tahun. Mesyuarat ini diadakan setiap tiga [3] bulan sekali selaras dengan Pekeliling Perbendaharaan Malaysia AM 1.1.

Mesyuarat bilangan keempat diadakan pada tahun berikutnya untuk membentangkan sekali laporan pemeriksaan aset alih dan verifikasi stor tahun 2015.

vi) Mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan ePerolehan

Mesyuarat Pasukan Petugas Pelaksanaan ePerolehan diadakan sebanyak dua kali pada tahun semasa. Mesyuarat ini bertujuan untuk membentangkan pelaksanaan perolehan secara pembelian terus dan sebut harga melalui Sistem ePerolehan.

vii) Mesyuarat Jawatankuasa Integriti dan Tadbir Urus (JITU)

Mesyuarat JITU adalah berdasarkan kepada Arahan YAB Perdana Menteri No. 1 Tahun 2014 mengenai Gerakan Pemantapan Keutuhan Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerja yang mengarahkan penubuhan JITU di semua kementerian/jabatan. Mesyuarat ini perlu diadakan sebanyak tiga (3) kali setahun bagi membincangkan enam (6) terma rujukan sebagai kesinambungan strategi dan pendekatan secara menyeluruh kepada usaha-usaha penghayatan nilai-nilai murni, pemantapan integriti, pembanterasan gejala rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di kalangan penjawat awam.

PRESTASI PERBELANJAAN

Secara keseluruhannya, Peruntukan Dasar Sedia Ada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia bagi tahun 2015 adalah sebanyak RM21,700,908.00 dan 100% telah dibelanjakan. Pecahan Perbelanjaan adalah seperti berikut :-


OA 10000 - RM11,885,221
OA 20000 - RM9,761,086
OA 30000 - RM48,490
OA 40000 - RM720
OA 50000 - RM5,400

Jumlah Kutipan Hasil Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada tahun 2015 adalah sebanyak RM534,298.15, di mana jumlah tersebut diperolehi daripada kutipan fi yang dikenakan untuk yuran pendaftaran pertubuhan, carian maklumat pertubuhan dan yuran rayuan terhadap penolakan atau pembatalan pendaftaran pertubuhan serta jualan panduan/ contoh Perlembagaan Pertubuhan.

PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN


2.1 PENGUATKUASAAN KE ATAS PERTUBUHAN

Sepanjang tempoh dari Januari hingga Disember 2015 pemantauan ke atas pertubuhan dilaksanakan secara berterusan. Pelaksanakan tertinggi bagi keseluruhan JPPM negeri ialah pada bulan Februari iaitu sebanyak 261 pertubuhan, diikuti pada November sebanyak 230 pertubuhan, bulan Jun sebanyak 227 pertubuhan, bulan Mei sebanyak 204 pertubuhan dan bulan Disember sebanyak 203 pertubuhan. Jadual 1 di bawah menunjukkan jumlah pemantauan bagi setiap bulan bagi tahun 2015.



Jadual 1 : Jumlah statistik pemantauan pertubuhan 2015


Negeri Sabah mencatatkan sebagai JPPM negeri tertinggi dalam melaksanakan pemantauan ke atas pertubuhan dalam kategori sosial, diikuti oleh kategori kebajikan dan kategori rekreasi. Negeri ke dua tertinggi yang menjalankan pemantauan ke atas pertubuhan ialah JPPM WPKL yang mana pemantauan kategori kebajikan merupakan yang tertinggi diikuti oleh kategori rekreasi dan kategori sosial. Manakala JPPM Selangor pula mencatatkan ke tiga tertinggi dalam melaksanakan pemantauan ke atas pertubuhan kategori keagamaan diikuti kategori sosial dan kategori kebajikan. Bagi JPPM Johor pula mencatatkan pemantauan ke empat tertinggi ke atas pertubuhan yang didahului oleh kategori Kebajikan, sosial dan keagamaan. Dan JPPM Kedah mencatatkan sebagai negeri ke lima tertinggi dalam melaksanakan pemantauan ke atas pertubuhan dalam kategori kebajikan, sosial dan keagamaan.



Jadual 2 : Jumlah 5 negeri tertinggi mengikut kategori

Berdasarkan data tindakan, tahun 2015 menunjukkan bulan November mencatatkan data tertinggi manakala bulan Jun dan Ogos menunjukkan persamaan atau setara dalam tindakan ke atas pertubuhan seterusnya diikuti pada bulan April dan Januari.


JPPM melaksanakan tindakan ke atas pertubuhan berdasarkan faktor-faktor seperti gagal mengemukakan Penyata Tahunan, aduan daripada ahli, pemeriksaan berkala JPPM dan juga berdasarkan risikan yang dibuat. Tindakan yang paling tinggi diambil ialah berdasarkan faktor gagal mengemukakan Penyata Tahunan, diikuti oleh faktor aduan daripada ahli dan seterusnya faktor pemeriksaan berkala serta faktor risikan. Seperti Jadual 3 di bawah.



Jadual 3 : Faktor-faktor tindakan

Pemeriksaan ke atas pertubuhan dilaksanakan dalam empat kaedah iaitu pemeriksaan bernois dibawah Seksyen 63 Akta Pertubuhan 1966, pemeriksaan tanpa notis dibawah Seksyen 64 Akta Pertubuhan 1966. Namun kaedah paling banyak yang dilaksanakan ialah melalui pemeriksaan bernois diikuti dengan Pemeriksaan tanpa notis seterusnya siasatan aduan dan juga siasatan pendakwaan. Rujuk Jadual 4 di bawah.


PENGUATKUASAAN AKTA PERTUBUHAN 1966



Jadual 4 : Penguatkuasaan Akta Pertubuhan 1966

Pada keseluruhannya pelaksanaan di peringkat negeri menunjukkan pemeriksaan bernotis mencatatkan jumlah yang terbanyak iaitu 59%. Pemeriksaan tanpa notis pula sebanyak 23%. Sebanyak 10% pelaksanaan dibuat secara outreach manakala melalui pelaksanaan melalui siasatan sebanyak 8%. Rujuk Jadual 5 di bawah.

PELAKSANAAN DI PERINGKAT NEGERI



AKTIVITI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN IBU PEJABAT



Pemeriksaan ke atas premis pertubuhan.



'Ops Sanggah Khas' bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS).




Lawatan kerja Timbalan Ketua Pengarah JPPM ke Bahagian Penguatkuasaan Ibu Pejabat.



Kursus Pengurusan Dan Penyediaan Kertas Siasatan Siri 1/2015 bertempat di The Regency Hotel, Alor Setar, Kedah.



Mewakili Jabatan sebagai pemerhati mesyuarat yang dijalankan oleh Parti Malaysian Indian Congress (MIC) di Pejabat MIC, Kuala Lumpur.



Pemantauan demonstrasi di Komplek D1, Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya.

PENGURUSAN TERKNOLOGI MAKLUMAT


PENGENALAN

Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat [BPTM] adalah satu Bahagian yang berfungsi dalam menjadikan ICT sebagai pemacu di dalam meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan di JPPM. Fungsi utama BPTM adalah untuk memastikan pengurusan peralatan dan sistem-sistem ICT dilaksanakan dengan cekap dan optimum. BPTM bekerjasama rapat dengan semua Bahagian di JPPM dalam membangun dan menyelenggara sistem yang menepati kehendak dan fungsi masing-masing serta memberikan perkhidmatan teknikal ICT yang terbaik bagi membantu dalam meningkatkan produktiviti dan penyampaian perkhidmatan Jabatan.

BPTM berperanan untuk:

- Menyediakan dan mempertingkatkan kemudahan Teknologi Maklumat di Jabatan
- Membantu Pengurusan melaksanakan tugas dengan sistematik dan berkesan
- Merancang dan menguruskan projek ICT yang diluluskan Jabatan.

PENCAPAIAN BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT (BPTM) BAGI TAHUN 2015



PENGURUSAN SISTEM

eROSES

Pembangunan sistem eROSES adalah bagi memastikan JPPM yang berperanan sebagai pendaftar, pengawal dan penguatkuasa Akta Pertubuhan 1966 di Malaysia mampu untuk:


- meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan yang lebih bersistematik dan efisien selaras dengan arahan kerajaan;
- menyediakan proses kerja yang teratur dan seragam bagi semua JPPM Negeri
- memudahkan Jabatan dalam mengendalikan pertubuhan-pertubuhan yang berdaftar berdasarkan Akta Pertubuhan 1966

STATISTIK PENGGUNAAN MODUL EROSES 2015



DMS

Bagi menyokong dan memudahkan proses carian dokumen-dokumen lampau pertubuhan yang masih didalam simpanan fail Jabatan, BPTM telah melaksanakan satu projek imbasan dokumen pertubuhan yang meliputi sijil asal pertubuhan, perlembagaan dan juga dokumen-dokumen sokongan. Sistem DMS ini mampu mempercepatkan urusan carian dokumen yang perlu dikendalikan oleh pegawai sewaktu memproses permohonan carian dikaunter.



Sistem Kehadiran Pegawai


Biometrik merupakan kaedah untuk mengenali (recognize) individu berdasarkan ciri-ciri biologi (biological) dan tingkah laku (behavioral) individu tersebut. Ciri-ciri biologi dan tingkah laku individu seperti cap jari, tapak tangan, anak mata, suara, muka, pengecaman asid deoxyribonucleic (DNA), keystroke, tandatangan dan sebagainya telah digunakan untuk mengenal pasti individu sejak dahulu lagi. Penggunaan biometrik telah meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyampaian perkhidmatan JPPM serta mampu meningkatkan tahap keselamatan fizikal Jabatan



Portal


Portal JPPM boleh dicapai melalui laman sesawang www.ros.gov.my dan diwujudkan sebagai satu platform penyebaran maklumat kepada orang awam. Kajian dan pengemaskinian portal JPPM dijalankan sepanjang masa selaras dengan usaha kerajaan untuk menjadikan portal sebagai saluran di dalam menyampaikan perkhidmatan yang ditawarkan oleh agensi-agensi sektor awam kepada orang ramai.

Portal JPPM menawarkan carian status bagi pertubuhan berdaftar kepada pengguna serta informasi terkini berkenaan Jabatan. Pendekatan di mana orang ramai boleh mengakses maklumat, perkhidmatan dan berkongsi pengetahuan dari sumber dalaman dan luaran melalui satu pintu capaian ini disediakan dalam dua versi iaitu Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris.



PENGURUSAN RANGKAIAN

Bagi memastikan penyampaian perkhidmatan Jabatan seiring dengan globalisasi merentasi dunia tanpa sempadan, Jabatan mensasarkan prestasi rangkaian yang menyeluruh di semua lokasinya dan kemudahan Internet, emel dan aplikasi atas talian JPPM dapat dicapai tanpa gangguan. Peningkatan kelajuan jalur lebar (bandwidth) JPPM dari 2Mbps ke 20 Mbps untuk Ibu Pejabat dan 2Mbps ke 6 Mbps bagi JPP negeri.



PENGURUSAN KESELAMATAN ICT

MS ISO/IEC 27001:2013 merupakan standard prosedur yang merangkumi perlindungan semua bentuk maklumat perkhidmatan pengurusan serangan siber dan pemantauan siber. Perlindungan akan dilaksanakan melalui pewujudan dan penguatkuasaan sistem kawalan dan prosedur dalam pengendalian perkakasan, perisian, perkhidmatan, data atau maklumat serta manusia. Ciri-ciri utama keselamatan yang menjadi asas kepada ISMS adalah kerahsiaan, integriti dan ketersediaan.

Standard ini telah digunapakai oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) selaku agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). ISO/IEC 27001:2013 menyediakan rangka kerja ISMS untuk menguruskan keselamatan maklumat dengan memberi penekanan utama kepada pendekatan dan pelaksanaan dalam penilaian risiko. Keselamatan maklumat adalah faktor kritikal yang perlu diberi perhatian oleh JPPM.



SIJIL

SIRIM QAS International Sdn. Bhd. dengan ini mengesahkan bahawa

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM)
 BAHAGIAN PENGURUSAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
 ARAS 3, BLOK B
 BANGUNAN CHANCERY PLACE
 PRESINT DIPLOMATIK
 62542 PUTRAJAYA
 WILAYAH PERSEKUTUAN
 MALAYSIA

telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat yang menepati

ISO/IEC 27001:2013
 Information Technology – Security Techniques – Information
 Security Management Systems – Requirements

Skop Pensijilan

SISTEM PENGURUSAN KESELAMATAN MAKLUMAT UNTUK PENGURUSAN
 SISTEM PORTAL JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA DI PUSAT
 DATA JPPM.


INI ADALAH MENEPATI PENYATAAN PEMAKAIAN: VERSI 5.0, 03 SEPTEMBER 2015

Tarikh dikeluarkan	: 16 Oktober 2015
Tempoh sah	: 07 Mac 2014 - 06 Mac 2017
No. Pensijilan	: AR 6072


 Khalidah Mustafa

LATIHAN DALAMAN AJURAN BPTM

Bagi melahirkan pegawai JPPM yang lebih cekap dan berkualiti, Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat telah menganjurkan kursus bagi tahun 2015.







TAJUK 3

NUKILAN KEJAYAAN





FESTIVAL PERTUBUHAN MELAYU 2015

Pertubuhan,
Masyarakat



PENGENALAN

- Bertindak sebagai platform dalam mempromosikan Pertubuhan Berdaftar.
- Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015 merupakan penganjuran kali yang kedua dengan tema 'Dari Pertubuhan Kepada Masyarakat'.
- Penganjuran Festival diadakan untuk mengiktiraf pertubuhan yang telah menyumbang bakti kepada masyarakat.
- Dianjurkan oleh Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia, Kementerian Dalam Negeri dan ini merupakan program bersempena dengan sambutan Hari Pertubuhan Kebangsaan.
- Festival berlangsung di Taman Tasik Darulaman, Jitra, Kedah dari 02 hingga 04 Oktober 2015.

AKTIVITI

- Pameran agensi-agensi kerajaan.
- Pameran badan bukan kerajaan (NGO).
- Malam Pertubuhan Berselawat.
- Persembahan kesenian dan kebudayaan.
- Auto dan motor show.
- Aviation show
- 4x4 challenge.
- Kenduri perdana.
- Persembahan artis-artis tempatan
- Pertunjukan bunga api



Kemeriahan FESTIVAL



MySilat
www.pusakahanafi.my

**SILAT CEKAK
PUSAKA HANAFI**
WORLD RECORD HOLDER - LARGEST SILAT LESSON

CAWANGAN KEDAH
CIKGU ZAKARIA
019 470 2721
CIKGU AKIBI
019 463 8449



Kemeriahan FESTIVAL



Kemeriahan FESTIVAL





Ketibaan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi ke Festival Pertubuhan Kebangsaan Tahun 2015



Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr Ahmad Zahid Bin Hamidi merasmikan Festival Pertubuhan Kebangsaan Tahun 2015 di Jitra Kedah





Kunjungan Yang Amat Berhormat ke booth-booth pameran Festival





Malam Pertubuhan Berselawat



Penganugerahan Tokoh Pertubuhan 2015 di Malam Gala



Persembahan artis-artis jemputan bagi memeriahkan majlis

OUTCOME

- Masyarakat lebih mengenali JPPM dan peranannya.
- Gaya hidup sihat melalui aktiviti bepertubuhan dapat dipupuk.
- Menyediakan platform kepada pertubuhan untuk berinteraksi dan membina jaringan.
- Peningkatan sinergi di antara kerajaan, pertubuhan dan masyarakat.

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
mengucapkan ribuan terima kasih
kepada semua pertubuhan
dan agensi kerajaan serta swasta
yang telah menjayakan
Festival Pertubuhan Kebangsaan
2015



PELANCARAN BUKU PELAN STRATEGIK 2015-2016

JABATAN PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA

PENGENALAN

- Tahun 2015 melakarkan satu lagi kejayaan yang amat bermakna kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia kerana telah berjaya menghasilkan buku Pelan Strategik 2015-2020 Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia
- Buku ini dihasilkan sebagai salah satu usaha JPPM untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan selaras visi dan misi Jabatan

PROSES PENYEDIAAN BUKU PELAN STRATEGIK

- Bermula dengan sesi 'brainstorming' di dalam Bengkel Perancangan Strategik yang telah dilaksanakan pada 8 hingga 11 Jun 2014 di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor
- Kemudian diteruskan dengan Mesyuarat Penyediaan Pelan Strategik JPPM yang telah dilaksanakan pada 28 hingga 30 September 2014 di Awana Genting, Genting Highland. Mesyuarat ini adalah dengan kerjasama Bahagian Perancangan Strategik (PG), KDN sebagai Penceramah dan Fasilitator.
- Bengkel Pemurnian Pelan Strategik JPPM 29 November hingga 2 Disember 2014 di Hotel Bayview, Pulau Langkawi bagi memuktamadkan kandungan Pelan Strategik yang telah disediakan. Bengkel ini turut dihadiri oleh SUB, TSUB dan KPSU Bahagian Perancangan Strategik (PG), KDN sebagai Penceramah dan Fasilitator.

Pelancaran Buku Pelan Strategik 2015-2020 JPPM telah dibuat semasa Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015 di Tasik Darul Aman Jitra Kedah pada 2 hingga 4 Oktober 2015 oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi, Timbalan Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Dalam Negeri

ISI KANDUNGAN BUKU PELAN STRATEGIK

Pelan strategik ini merangkumi empat kandungan utama iaitu teras strategik, keberhasilan strategik, langkah/matlamat strategic dan juga program-program strategic yang akan dilaksanakan oleh JPPM.

Pelan strategik ini menekankan 4 teras utama iaitu Pematuhan Terhadap Akta Pertubuhan, Penyampaian Perkhidmatan, Pembangunan Modal Insan dan Hubungan Strategik

Elemen penentu kejayaan teras strategik dan pelan tindakan yang telah disediakan oleh JPPM ini adalah melibatkan komitmen pihak pengurusan tertinggi serta warga Jabatan, sokongan stakeholders, pembudayaan kerja berprestasi tinggi di kalangan warga kerja JPPM, pemantapan tadbir urus yang baik dan cemerlang serta ketersediaan semua pihak menangani perubahan daripada semua aspek



*Makmal Perancangan Strategik
8 hingga 11 Jun 2014 di Teluk Dalam Resort, Pulau Pangkor*



*Mesyuarat Penyediaan Pelan Strategik JPPM
28 hingga 30 September 2014 di Awana Genting, Genting Highland*



*Bengkel Pemurnian Pelan Strategik JPPM
29 November hingga 2 Disember 2014
di Hotel Bayview, Pulau Langkawi*



Pelancaran Buku Pelan Strategik JPPM

Oleh YAB Dato' Seri Dr Ahmad Zahid bin Hamidi
semasa Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015
di Tasik Darul Aman Kedah



OUTCOME

- Penyediaan buku Pelan Strategik 2015-2020 JPPM ini dapat meningkatkan lagi kualiti penyampaian dan perubahan ke arah yang lebih baik di dalam pengurusan pertubuhan di Malaysia serta dapat mencapai visi Jabatan sebagai Peneraju Pembangunan Masyarakat Sivill di Malaysia





TAJUK 4

PROGRAM SOSIAL DAN KEBAJIKAN

PROGRAM SOSIAL DAN KEBAJIKAN ANJURAN IBU PEJABAT JPPM KELAB JPPM

MAJLIS PENYERAHAN SUMBANGAN HARI RAYA AIDILFITRI KEPADA WARGA JPPM

10 JULAI 2015
JPPM PUTRAJAYA

DISEMPURNAKAN OLEH :
YBHG. DATO' MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH
KETUA PENGARAH JPPM

Pada 11 Julai 2015 bertempat di Ibu Pejabat JPPM Putrajaya, telah diadakan Majlis Penyerahan Sumbangan Hari Raya Aidilfitri kepada semua Warga JPPM. Sumbangan daripada pelbagai pihak itu, meliputi barangan keperluan harian dan pakaian. YBhg. Dato' Mohammad Razin bin Abdullah, Ketua Pengarah JPPM berbesar hati untuk menyempurnakan majlis tersebut.



PROGRAM SOSIAL DAN KEBAJIKAN ANJURAN IBU PEJABAT JPPM KELAB JPPM

Kelab JPPM juga telah mengadakan beberapa aktiviti lain bagi bulan Julai hingga Disember 2015. Aktiviti ini melibatkan semua warga JPPM dan pastinya memberi peluang untuk mengeratkan silaturrahim sesama warga.

SAMBUTAN HARI RAYA AIDILFITRI 2015 JPPM OGOS 2015 IBU PEJABAT JPPM PUTRAJAYA

PROGRAM KEMBARA GUA NIAH, MIRI, SARAWAK BERSAMA KETUA PENGARAH JPPM DISEMBER 2015 MIRI, SARAWAK





Perasmian



FESTIVAL PERTUBUHAN KEBANGSAAN

2015

Malaysia
egeri

5



TAJUK
5

PROGRAM
**JALINAN
KERJASAMA**

PROGRAM KERJASAMA ANTARA AGENSI KDN

Terdapat banyak program kerjasama yang melibatkan kerjasama antara Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM) dan agensi-agensi di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN). Antara agensi KDN yang paling banyak bekerjasama dan berkolaborasi dengan JPPM adalah Polis DiRaja Malaysia (PDRM) melalui mesyuarat, taklimat, kursus, ceramah, bengkel, program outreach dan penyertaan dalam Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015.

Semasa penganjuran Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015 di Tasik Darulaman, Jitra, Kedah antara Agensi KDN yang turut serta sebagai peserta pameran adalah:

- a) Polis DiRaja Malaysia
- b) Jabatan Pendaftaran Negara
- c) Jabatan Imigresen Malaysia
- d) Jabatan Penjara Malaysia
- e) Agensi Anti Dadah Kebangsaan
- f) Jabatan Sukarelawan Negara (RELA)

PROGRAM KERJASAMA DENGAN AGENSI LAIN

JPPM Ibu pejabat

- Bengkel Code of Good Governance yang diadakan pada 22-24 November 2015 di Hotel Casuarina @ Meru, Ipoh yang dihadiri oleh Institut Integriti Malaysia dan Jabatan Insolvensi Malaysia.
- Bank Negara Malaysia (BNM) - SCONPO
- Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - SCONPO
- Labuan Financial Services Authority (LFSA) - SCONPO
- Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) - SCONPO

JPPM Perlis

- Taklimat Oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Negeri Perlis dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) dalam Program Taklimat Pemberian Geran Kepada Persatuan Penduduk yang diadakan pada 13 Januari 2015 di Bilik Mesyuarat JPPM Perlis
- Taklimat oleh SPRM Negeri Perlis dalam Program Kursus Pengurusan Pertubuhan Siri 1/2015 yang diadakan pada 22 Januari 2015 di Auditorium Kompleks KDN Negeri Perlis
- Taklimat oleh Jabatan Insolvensi Malaysia Negeri Perlis dalam program Kursus Pengurusan Pertubuhan Siri 2/2015 yang diadakan pada 28 April 2015 di Dewan Serbaguna Kompleks KDN Perlis
- Taklimat oleh SPRM Negeri Perlis dalam program Taklimat Pertubuhan dan Sesi Dialog bersama Ketua Pengarah JPPM yang diadakan pada 14 Jun 2015 di Teratai Putih resort, Padang Besar, Perlis

JPPM Kelantan

- Taklimat Oleh Polis DiRaja Malaysia (PDRM) Negeri Kelantan program United Against Crime yang diadakan pada 04 Jun 2015 di RTC Tunjong, Kota Bharu
- Taklimat oleh PDRM Negeri Kelantan dalam Program Kursus Pengurusan Pertubuhan Siri 2/2015 yang diadakan pada 16 Jun 2015 di RTC Tunjong, Kota Bharu
- Taklimat oleh Bank Negara Malaysia (BNM) dalam program Kursus Pengurusan Pertubuhan Siri 3/2015 yang diadakan pada 13 Ogos 2015 di RTC Tunjong, Kota Bharu

JPPM Pahang

- Jabatan Insolvency Malaysia sebagai Penceramah Undangan semasa Kursus Pengurusan Pertubuhan yang diadakan pada 7 September 2015 di Jerantut
- JPPM Pahang menyampaikan ceramah mengenai pendaftaran pertubuhan kepada Pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Wilayah Pahang Timur) pada 17 Disember 2015
- JPPM Pahang menyampaikan ceramah mengenai pendaftaran pertubuhan kepada Pejabat Amanah Ikhtiar Malaysia (Wilayah Pahang Barat) pada 1 Disember 2015
- Perbincangan dengan Pejabat Peguamcara Persekutuan Negeri Pahang pada 2 April 2015 berkenaan Persatuan Hindu Lipis yang dibatalkan pendaftarannya dan kes dibawa ke Mahkamah Tinggi Temerloh.

JPPM Negeri Sembilan

- Jabatan Insolvency Malaysia dijemput sebagai Penceramah Undangan semasa Program Outreach di Daerah Tampin yang diadakan pada 22 September 2015 di Dewan Majlis Daerah Tampin
- Bank Negara Malaysia dijemput sebagai Penceramah Undangan semasa Program Outreach di Daerah Port Dickson yang diadakan pada 30 November 2015 di Dewan Auditorium Pentadbiran Daerah Port Dickson.

JPPM Terengganu

- Program Outreach dan Kursus Pengurusan Pertubuhan Yayasan Amal Malaysia dan Amanah Ikhtiar Malaysia
- Program pejabat bergerak yang diadakan di setiap daerah akan diadakan di Pejabat-Pejabat Daerah di seluruh negeri Terengganu.



TAJUK
6

ARKIB
BERITA

Nation

Lam Thye recognised as Tokoh Pertubuhan Kebangsaan

October 7, 2015, Wednesday



Dato' Sri Alwi Ibrahim (right) presenting the Tokoh Pertubuhan Kebangsaan award to Lee.

KUALA LUMPUR: Social activist Tan Sri Lee Lam Thye has been awarded the inaugural 'Tokoh Pertubuhan Kebangsaan' in recognition of his contribution to society and the country's socio-economic development.

The award was initiated by the Registrar of Societies to recognise those who have contributed immensely to the country's socio-economic development through active involvement in community works and social organisations.

The award was presented to Lee by Home Ministry secretary-general Dato' Sri Alwi Ibrahim at the 2015 National Societies Festival Gala Dinner last Sunday in Jitra, Kedah.

The 68-year-old National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) chairman, who is the first recipient of the newly introduced award, sees it as an encouragement for him to continue his active involvement in community work and contribute to society including fostering social cohesion and unity.


Lee said: "I'm touched and honoured by this award, which I would love to share with all my NGO colleagues. I view my involvement in NGOs as important because they are partners of the government in national development."

"Although I have retired from politics after being a 'wakil rakyat' for 23 years, I want to continue serving the nation in various capacities.

"In a way, I humbly hope this award can be an example for others to give back to society in various ways."

Newspaper : NEW STRAITS TIMES

Date : 1 December 2015



Pertubuhan tidak daftar diberi amaran

JAMLAH ABDULLAEGDAS NAZMIL NASRUTUDIN | 04 Oktober 2015 14:2 AM



ABIMAH ZARIF RAMSIDI memulakan anjutan tahunan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPMP) 2015 - 2020 semasa Muktamad Razin Abdullah Sharif semasa dipersembahkan Anwaruddin Omar (dua dari kiri) dan Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Belian Air, Sumber Air dan Tenaga, Badan-Badan Bukan Kerajaan Negeri Kedah, Datuk Bandar Hutan Bukitman Seri Usman Nohya Persewaan Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015 di Tarik Dataran, Nuberg Park, Kedah, semalam. MINGSI/ANWAR/BERITA AMN

KUBANG PASU 3 Okt. - Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi memberi amaran kepada mana-mana pertubuhan yang belum mendaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) supaya berubuh keras akan diambil.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Dalam Negeri mengarahkan ROS supaya mengambil tindakan tegas mengikut peraturan mengikut Akta Pertubuhan 1966.

"Saya mengesakan agar pemimpin pertubuhan berkenaan mendaftar dengan ROS, sila berbuat demikian kerana dapat pelbagai nama yang muncul sama ada yang mendaftarkan dan mengikut Akta Pertubuhan 1966, boleh kepada mana kepimpinan pertubuhan berkenaan."

"Saya ingin memaklumkan kepada mereka jangan teragak-agak, bila tindakan dilakukan baharu mereka kelam-kabut untuk memohon pendaftaran dan mendaftarkan ROS."

"Apabila pertubuhan itu tidak berdaftar, itu adalah kebijakan masyarakat, tolong tampil ke hadapan sahaja dan melakukan aktiviti mereka," katanya merasmikan Festival Pertubuhan Kebangsaan 2015 hari ini.

Yang hadir sama Ketua Setiausaha Kementerian, Timbalan Ketua Polis Negara, Datuk Seri Noor Rashid, Datuk Mohammad Razin Abdullah dan Pengerusi Kesenian dan Kebudayaan Pembangunan Insan dan mewakili Menteri Besar, Datuk Seri Mukhriz Tun M Azlan Ali.

Pada majlis yang sama Timbalan Perdana Menteri ROS 2015-2020 dalam usaha memacu pembangunan.

Mengulas lanjut Ahmad Zahid menegaskan, mana-mana pertubuhan yang berdaftar dilarang sama sekali untuk menjalankan aktiviti di masyarakat.

"Undang-undang negara perlu dipatuhi apatah lagi jika terdapat cukup banyak pertubuhan bukan kerajaan (NGO) sekarang yang pelbagai nama sebenarnya mereka masih belum didaftarkan."

"Saya ingin memberitahu agar NGO berkenaan jangan bergerak selagi belum mengemukakan pendaftaran kepada ROS," katanya.

Dalam perkembangan lain kata beliau, pihaknya memantau pertubuhan yang masih belum mendaftar, namun telah menjalankan aktiviti termasuk mengeluarkan pelbagai kenyataan.

"Ada tiga individu membuat pertubuhan dan mula keluaran kenyataan. Jangan salah kerajaan, ROS dan Kementerian Dalam Negeri (KDN) apabila tindakan dilakukan kepada pemimpin pertubuhan tidak berdaftar itu."

"Selain itu ada juga ahli kongsi gelap yang gunakan pertubuhan yang kerap kali bersifat keagamaan untuk menghalalkan aktiviti mereka. Ada juga yang gunakan wang dan mengikut Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram 2001 (AMLA), dana yang tidak sah sumbernya, namun disalurkan kepada pertubuhan konon untuk aktiviti. Ini lusa dibantau ROS," katanya.

Newspaper : UTUSAN ONLINE
Date : 3 Oktober 2015

PKR members want RoS to investigate party's 'illegal' congress

PERALAMAN: Sepang PKR has urged the Registry of Societies (RoS) to investigate representatives from the branch who attended the recent PKR National Congress in Shah Alam as they had been suspended from the party.

Sepang PKR member Nuzaimah Mohamed said the congress was deemed invalid as 'illegal' representatives had attended it.

"The 10th annual general meeting of PKR Sepang was cancelled on Sep 19 due to several reasons, including an incomplete financial report and failure to issue attendance notices to branch members."

"We have lodged a police report on the cancellation of the meeting to allow the Sepang PKR administrative committee to act."

"We have also informed PKR secretary-general Rafizi Ramli, but no action was taken."

"Following this, nobody from Sepang PKR should be allowed to attend the congress."

"However, we were surprised that 30 representatives from the branch were present at the congress."

"When the PKR top leaders allowed these suspended members to participate in the congress, it means the congress has been carried out illegally," Nuzaimah said before lodging a report to RoS yesterday.

He was accompanied by Sepang PKR chairman Arifan Mohamad and Shah Alam PKR member Datuk Haniffa Ahmad.

The three-day congress was held at Akad Convention Centre in Shah Alam from Friday to Sunday.



From left, Sepang PKR chairman Arifan Mohamad, Sepang PKR member Nuzaimah Mohamed and Shah Alam PKR member Datuk Haniffa Ahmad consult the Registry of Societies, including a report they lodged a report with the registry to investigate the recent PKR National Congress, which the above article was held illegal. PH by Faris Izzati Izzati

Nuzaimah urged RoS to investigate and take action under the Societies Act 1966 against parties that violated their constitution.

Affifan said he cancelled the branch meeting after finding out that financial statements were not submitted to the trustees.

"These include cheques, bank statements, a list of financial flow, incoming money, revenues, sub-

scribes, donations, ledger, payment receipts, cash vouchers, balance sheet and other documents."

"I cancelled the branch general meeting as it was invalid according to the PKR constitution."

"I have requested to hold another meeting within six days, but it has not materialised yet."

"However, some party members from the Sepang branch had

breached the rules and attended the congress."

On another issue, Haniffa questioned the use of a large banner that read "Nohs Rakyat, Nohs Aman!" (For the people, free Anwar) during the congress, which was referring to Sepang PKR de facto leader Datuk Seri Anwar Ibrahim.

"The congress was supposed to be implemented according to the party's constitution and electives how improve the party's administrative services and fight for the party without."

"Why should they focus on Anwar who has received his punishment? The party should move on. If a person can't get on, it will be difficult for the party to make great progress."

"The banner they were prepared to use was taken by the party."

Newspaper : NEW STRAITS
Date : 1 December 2015
Page 19

Zahid: ROS probe on DAP party election not complete

THE Registrar of Societies (ROS) is yet to complete its investigation of DAP's 2013 party election, despite working on it for two years.

Home Minister Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi said the investigation is still on-going because DAP has not taken the relevant actions advised by the ROS.

"ROS is still conducting a thorough investigation on DAP following its re-election on Sept 29, 2013.

"On April 3 last year, ROS received a letter from DAP requesting for a judicial review on its action. On Sept 23, 2014, DAP revoked their summons against ROS at the Kuala Lumpur High Court.

"However, ROS is still continuing its investigation into DAP because the party management has yet to take the relevant actions, as advised by ROS," he said in a parliamentary written reply to Anthony Loke (DAP-Seremban) on Tuesday.

Loke had asked the minister to give the status of ROS's probe on the party's re-election and to state when ROS will

approve its application for new branches. Questioning the delay in completing the probe, Loke told reporters that the party is concerned it may be politically-motivated.

"It has already been two years. Is ROS going to probe till the next general election? We think this is a political ploy by Barisan Nasional to bring down DAP," he told the media in Parliament yesterday.

Loke said ROS did not state clearly what are the actions that DAP has failed to take, adding that the party had complied with all conditions set by the ROS.

On July 30, 2013, the ROS had ordered DAP to hold fresh elections for a new central-executive-committee (CEC) under Section 16(1) of the Societies Act 1966. The re-election was held on Sept 29, 2013.

This was due to complaints and dissatisfaction by several DAP members on the initial election held in December 2012 following an announcement by the party that a tabulation glitch had resulted in the wrong candidate being elected to the CEC. - by Karen Arukesamy

Newspaper : THE SUN

Date : 30 Oktober 2015

Page : 6

'Hanya ada satu CWC'

Kuala Lumpur: "Hanya ada satu Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) interim 2009 iaitu yang bermesyuarat pada hari ini (semalam)," tegas Pemangku Presiden MIC Datuk Seri Dr S Subramaniam.

Beliau berkata, mana-mana yang keputusan selain mesyuarat itu tidak ada kena mengena dengan parti berkenaan.

Katanya, pihak lain yang mahu mengadakan perjumpaan atau pemilihan di mana-mana itu adalah badan bukan kerajaan.

"Sehubungan itu, mesyuarat menetapkan penamaan calon bagi cawangan ialah pada 10 hingga 12 Julai diikuti dengan pemilihan parti di antara 20 hingga 26 Julai ini," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat CWC interim itu di Ibu Pejabat MIC di sini, semalam.

Kelmarin, satu lagi mesyuarat yang didakwa CWC

Mesyuarat menetapkan penamaan calon bagi cawangan pada 10 hingga 12 Julai"

Dr S Subramaniam

interim 2009 yang dipengerusikan oleh bekas Presiden MIC Datuk Seri G Palanivel menetapkan proses penamaan calon bagi ketua cawangan akan bermula pada 15 dan 16 Julai diikuti pemilihan pada 24 hingga 26 Julai ini.

Berdasarkan keputusan kem Palanivel bahawa Subramaniam digantung keahliannya selama setahun.

Sedangkan keputusan Pendaftar Pertubuhan (ROS) bahawa Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar itu bukan lagi ahli parti berdasarkan perlembagaan selepas beliau mengheret kemelut MIC ke mahkamah.

Newspaper : HARIAN METRO

Date : 1 Julai 2015

Page : 49

MIC akur adakan pemilihan semula

KUALA LUMPUR 10 Feb. - MIC akur dengan arahan Pendaftar Pertubuhan (ROS) untuk mengadakan pemilihan semula semua jawatan parti tersebut dalam tempoh April hingga Julai ini.

Presidennya, Datuk Seri G. Palanivel berkata, beliau akan memanggil kesemua ahli Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) yang dipilih pada 2009 untuk mengadakan mesyuarat berhubung pemilihan tersebut dalam masa terdekat.

"ROS memutuskan ahli-ahli CWC yang dipilih pada 2009 untuk memegang jawatan sebagai ahli CWC sementara (interim) sehingga pemilihan semula selesai sepenuhnya.

"Walaupun arahan ROS itu tidak diperuntukkan dalam Akta Pertubu-



G. PALANIVEL

han 1966 atau Perlembagaan MIC, MIC akur dan akan menjalankan pemilihan semula sebagai jalan terbaik untuk menyelesaikan isu-isu dengan jabatan tersebut," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi dalam sidang akhbar bersama

Ketua Pengarah ROS, Mohammad Razin Abdullah semalam menegaskan bahawa MIC berdepan tindakan pembatalan pendaftaran sekiranya enggan mengadakan pemilihan semula parti itu.

Hal demikian, kata Ahmad Zahid, disebabkan siasatan ROS mendapati aduan terdapat penyertaan cawangan tidak sah dalam pemili-

han MIC 2013 berasas dan merupakan kesalahan serius.

Menurut Palanivel, sebagai Presiden yang mempunyai kuasa mutlak seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 49 Perlembagaan MIC, beliau melantik tiga individu daripada CWC 2009 untuk memegang jawatan sebagai Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan Ketua Penerangan bagi CWC sementara tersebut.

Mereka adalah Datuk S. Sothinthan, Datuk S. Murugesan dan L. Sivasubramanian.

Kata beliau, tiada wakil daripada Putera dan Puteri akan diserapkan dalam CWC sementara kerana sayap-sayap itu hanya diwujudkan selepas pemilihan pada 2009 diadakan.

"Di bawah Perkara 60.3 Perlembagaan MIC, saya memiliki kuasa untuk mengawasi pentadbiran parti," katanya.

Newspaper : *UTUSAN MALAYSIA*
Date : 11 Februari 2015
Page : 24

CEC DAP belum diiktiraf

Proses pengiktirafan masih di peringkat pertimbangan dan siasatan

■ MOHAMAD FAKHRI MOHD ALI

ALOR SETAR - Pendaftar Pertubuhan (RoS) menegaskan bahawa status Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) DAP masih belum mendapat pengiktirafan.

Ketua pengarahnya, Datuk Mohammad Razin Abdullah berkata, ini kerana proses itu masih di peringkat pertimbangan dan siasatan.

"Siasatan ini ambil tempoh lama sebab melibatkan banyak aspek misalnya kehadiran keahlian dan aduan ahli parti.

"Mereka (DAP) boleh bergerak, cuma pergerakan mereka terhad sebab CEC belum diiktiraf RoS," katanya.

Menurutnya, pergerakan terhad itu dikenakan sehingga siasatan penuh bahawa tidak ada sebarang pelanggaran dari segi Akta RoS dan per-



MOHAMMAD RAZIN

lembagaan parti.

"Sekiranya semua syarat itu dipatuhi dan RoS berpuas hati dengan siasatan dijalankan, maka baru boleh diiktiraf pemilihan tersebut," katanya.

RoS pada sebelum ini mengarahkan pemilihan CEC diadakan semula selepas wujud dakwaan penyelewengan pengundian dan manipulasi undi pada pemilihan 15

Disember 2012.

Pemilihan semula CEC pada 29 September 2013 juga masih belum diiktiraf selain mendapat bantahan daripada bekas ahli parti itu yang mendakwa menerima undi daripada perwakilan sedangkan tidak lagi menjadi ahli DAP.

Pada perkembangan lain, beliau menjelaskan bahawa hanya satu Jawatankuasa DAP di Kedah diiktiraf iaitu melalui surat yang dikeluarkan oleh RoS.

"Saya dimaklumkan terdapat dua Jawatankuasa DAP di Kedah dan RoS hanya mengesahkan satu jawatankuasa sahaja iaitu melalui surat yang diiktiraf oleh RoS.

"Patutnya mereka (DAP) ikut dan patuh apa ditetapkan RoS dan bukan atas lantikan yang tidak diiktiraf," katanya.

Konflik DAP Kedah di-

percaya berlaku selepas Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng memutuskan dalam minit mesyuarat pemimpin pusat parti itu melantik Zairil Khir Johari sebagai Pengerusi Interim DAP Kedah Mei 2013.

Pelantikan itu menyebabkan wujud dua Jawatankuasa DAP Kedah termasuk dipengerusikan bekas Adun Kota Darul Aman, Lee Guan Aik.

Pada Ogos 2013, Guan Aik menjelaskan bahawa menerima surat pengiktirafan dari RoS yang mengesahkan pelantikannya sebagai Pengerusi DAP Kedah.

Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) DAP Kedah pada Jun 2014 juga menyaksikan Guan Aik tidak memper-tahankan jawatannya dan disandang Tan Chun Ping.

Newspaper : *SINAR HARIAN*
Date : 6 Oktober 2015
Page : 7

'Ada tok dalang mahu MIC kekal bermasalah'

■ RAZIF ROSLI

IPOH - Naib Presiden MIC, Datuk M Saravanan, semalam mendakwa ada campur tangan 'tok dalang' bagi menggagalkan perjumpaan atau perbincangan meja bulat antara presiden dan timbalannya dalam tujuan menyelesaikan krisis dalaman MIC.

Menurut Saravanan, pergolakan dalaman pucuk pimpinan MIC hanya menemui jalan buntu selagi mana kedua-dua pemimpin tidak bertentang mata membincangkan perkara berbangkit.

"Kita tahu siapa 'tok dalang' yang melakukan perancangan bagi memastikan perjumpaan itu gagal.

"Apa yang saya nampak, jika kedua-dua pemimpin duduk berbincang di meja bulat, kemelut ini akan selesai segera, namun ada pihak yang tak mahu perkara itu berlaku," katanya kepada pemberita pada sidang akhbar di sini, semalam.

Pada 5 Disember tahun lalu, Pendaftar Pertubuhan (ROS) mengarahkan MIC mengadakan pemilihan se-



Wakil Lawin Agro, Huzaidi Mohamed (kiri) memberi penerangan kepada Saravanan (tiga, kiri) tentang tanaman cili fertigasi yang dianjurkan Yayasan Gerakan Afirmatif Baharu, semalam.

mula bagi tiga jawatan naib presiden dan 23 jawatan anggota Jawatankuasa Kerja Pusat dalam tempoh 90 hari berikutan aduan mengenai penyalahgunaan kuasa dan perbuatan salah laku yang melanggar perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

ROS menasihatkan MIC, supaya tidak mengadakan perhimpunan agung tahunan sehingga isu itu diselesaikan.

Jumaat lalu, Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel berkata, MIC sedang menunggu jawapan daripada Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai rayuan yang dikemukakan oleh parti itu pada 14 Januari lalu, berhubung kandungan surat bertarikh 5 Disember dan 31 Disember daripada ROS.

Saravanan menambah, beliau bagaimanapun enggan

menyebut siapa sebenarnya dalang itu, malah tidak menolak kemungkinan pihak terbabit adalah mereka yang sedang melakukan apa sahaja demi mencapai matlamat politiknya.

Malah jelasnya, pihak terbabit ataupun dalang itu juga sanggup berbuat demikian dan dipercayai untuk mendapatkan sesuatu tanpa memperdulikan kesannya.

Newspaper : SINAR HARIAN

Date : 26 Januari 2015

Page : 12

Nafi jadi parti boneka DAP

TUMPAT – Harapan Baru yang mengambil alih sebuah parti politik sedia ada dikenali Parti Pekerja Malaysia (PPM) bukan parti suruhan atau boneka DAP sebaliknya bersama dengan DAP sebagai rakan untuk memperkukuhkan kembali Pakatan Rakyat.

Timbalan Pengerusinya, Salahudin Ayub berkata, matlamat perjuangan PPM adalah untuk mengeratkan semula kerjasama politik pembangkang untuk mengambil alih Putrajaya pada pilihan raya akan datang.

"DAP hanya sebagai rakan kita, kita nak bersama DAP bukan nakkan bantuannya, atau pun perlindungan darinya."

"Kita bersama DAP untuk kukuhkan kembali Pakatan Rakyat, itu matlamat kita untuk sampai ke Putrajaya pada pilihan raya akan datang," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Program Penerangan dan Soal Jawab Bersama Timbalan



Pengerusi Penaja PPM Bahagian Tumpat, Wan Johari Wan Salleh bersama ahli Pas menyerahkan borang keahlian menyertai parti baharu itu kepada Salahudin.

Pengerusi Penaja Harapan Baru Malaysia di Balaisah Kampung Dalam Kota Kubang Labu, di sini, petang kelmarin.

PPM akan dinamakan semula dan akan dikenali sebagai Parti Amanah Negara (Amanah) dan pelancarannya akan dibuat pada 16 September ini.

Nama baharu dan perlembagaan parti akan di-

kemukakan kepada Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dalam masa terdekat.

Salahudin merupakan bekas Naib Presiden Pas turut menafikan PPM ditaja oleh DAP sebaliknya membina parti ini dengan usaha dan inisiatif sendiri serta sokongan daripada rakyat.

"Sejak awal terlibat dengan Harapan Baru, kami tidak per-

nah menerima sumbangan yang boleh dikaitkan sebagai parti suruhan DAP.

"Kita telah berjuang dan memulakan perjuangan ini dengan usaha sendiri, inisiatif dan sokongan yang ditunjukkan oleh rakyat," katanya.

Harapan Baru dibentuk pemimpin progresif Pas yang kalah dalam pemilihan parti baru-baru ini.

Newspaper : SINAR HARIAN

Date : 3 September 2015

Page : 8

Isu Dipecat Dari PKR, Khalid Beri Keterangan Pada ROS

Posted on February 18, 2015 by Abdul Mursyid Zamrudin



SHAH ALAM – Bekas Menteri Besar Selangor, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim memberi keterangan secara bertulis kepada Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) semalam berhubung kes samannya terhadap PKR.

Abdul Khalid memaklumkan perkara itu melalui laman Facebooknya, hari ini.

"Semalam jam 11 pagi saya sempat memberi keterangan bertulis kepada Pengarah ROS (berhubung) kes saman terhadap PKR yang memecat saya tanpa mengikut tatacara dan peraturan di dalam Perlembagaan parti.

"Pada saya, apa yang penting ialah membetulkan sistem yang diamalkan PKR (ia) hendaklah bertepatan dengan agenda mempertahankan hak individu dan hak rakyat dalam mengurus pertubuhan. PKR hendaklah menunjukkan amalan reformasi seperti apa yang mereka laungkan," tulisnya.

Sebelum ini, Abdul Khalid meminta ROS campur tangan dan meneliti proses pemecatan beliau dari PKR.

Newspaper :

Date : 18 February 2015

Page :

Pendaftaran Familia Myvi Club dibatal jika ada kaitan nahas

Kuala Lumpur: Pendaftaran Familia Myvi Club (FMC) hanya akan dibatalkan jika siasatan polis mendapati ia terbit secara langsung dalam insiden kemalangan di Lebuhraya DUKE.

Ketua Pengarah Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS), Datuk Mohammad Razin Abdullah, berkata kelab permotoran berdaftar yang melanggar undang-undang tidak menyebabkan pendaftaran dibatalkan.

Namun katanya, jika aktiviti seperti tamboh ban dilakukan

oleh ahli tanpa pembahitan kelab, maka ia bukan tanggungjawab kelab, sebaliknya individu berkenaan yang perlu dipersalahkan.

Pemeriksaan ketat

"Semua kelab atau pertubuhan yang dituluskan oleh ROS perlu melalui pemeriksaan ketat dengan kami akan menyemak permohonan termasuk perlembagaan dan matlamat perubahan sebarang kelab.

"Jika dapati permohonan menyalaui undang-undang atau bo-

leh menguati ketenteraman awam, maka ia tidak akan dituluskan oleh ROS," katanya.

Beliau mengulas kejadian kemalangan di Lebuhraya DUKE, Sabtu lalu yang meragut tiga nyawa sekeharga termasuk seorang bayi, ia mengundang kemarahan orang ramai dan mereka menyalaikan pemandu PEBODUA Myvi dikenali sebagai 'Yana' menjadi punca utama insiden.

Menurut maklumat yang menjadi viral di media sosial, Yana dikatakan berlumba dengan lima

lagi Myvi sebelum kenderaannya melanggar kenderaan jenis Pajero dinaiki mangsa. Semua mereka dikatakan ahli kelab FMC.

Semakan di laman web ROS mendapati ada 20 kelab Myvi berdaftar dan FMC adalah satu daripadanya dengan status penubuhannya adalah baharu.

Mohammad Razin berkata, jika ada bukti mengaitkan persatuan atau kelab dengan aktiviti yang membahayakan keselamatan orang awam, maka tindakan boleh diambil.

"Jika dilakukan oleh individu, maka tidak adil persatuan dikenakan tindakan kerana ia bukan salah mereka. Sama seperti kes FMC, kami akan tunggu hasil siasatan polis sebelum tindakan dilakukan," katanya.

Sementara itu, Ketua Pateri UMNO Malaysia, Datuk Mas Ermeyati Samsudin, menegaskan semakan pihaknya mendapati pengedaran laman sosial yang dikaitkan dengan Familia Myvi Club (FMC) tiada kaitan dengan pergerakan itu.

Newspaper : BERITA HARIAN

Date : 5 May 2015

Page : 3

Muhyiddin diiringi Timbalan Menteri Pendidikan 1, Datuk Mory Yap Kain Ching (dua dari kiri), meneliti buku *Menelusuri Memori selepas merasmikan Menara Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu* di Kuala Lumpur, semalam. (FOTO ASYRAF HAZWAN/PH)

BN campur tangan atasi kemelut

» Usaha Kepemimpinan kukuh kembali komponen penting parti

Oleh Mohd Hamizar Hamid, Irwan Shafizan Ismail dan Noor Atiqah Sulaiman
bhnews@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Presiden MIC, Datuk Seri G Palanivel disifatkan seperti sudah hilang fokus yang memaksa pucuk kepimpinan Barisan Nasional (BN) campur tangan bagi menyelesaikan kemelut parti itu. Timbalan Pengerusi BN, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata beliau sudah berbincang dengan Pengerusi BN yang juga Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, kelmarin berhubung isu itu dan berusaha menyelesaikan krisis berkenaan.

"Dengan keadaan yang sudah tercetus ini, kami (BN) perlu campur tangan. Kalau dibiarkan begitu, nampak seperti tidak ada penyelesaian."
"Justeru, kepemimpinan BN, saya dan Perdana Menteri akan campur tangan bagi kebaikan parti itu (MIC) dan BN. Kita akan buat apa yang perlu untuk memastikan MIC kembali kukuh sebagai parti politik penting dalam kotoporen BN."
"Paling utama ialah kepemimpinan parti, sekarang ini saya lihat presiden parti sudah tidak berapa fokus. Saya bu-

kan nak mengkritik masalah ini hingga tercetus perkara di luar kawalan, ini pastinya tidak baik," katanya.
Beliau berkata demikian pada sidang media selepas merasmikan Menara Institut Pendidikan Guru Kampus Bahasa Melayu di sini, semalam.
Krisis dalam MIC tercetus selepas Pendaftaran Pertubuhan (ROS) membatalkan pemilihan bagi jawatan tiga naib presiden dan 23 anggota Jawatankuasa Kerja Pusat (JKC) dalam Perhimpunan Agung MIC di Melaka pada November 2013.
Dalam surat bertarikh 5 Disember lalu, ROS mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula bagi jawatan berkenaan dalam tempoh 90 hari berikutan dakwaan wujud ketidakpastian serta berlaku pelanggaran perlembagaan parti dan Akta Pertubuhan.

Pangsi beraja atasi
Bagi tuisan itu, Muhyiddin berkata, bantuan kepimpinan BN akan memaafkan beraja MIC dalam masa terdekat untuk berbincang, sekali gus mengambil tindakan yang wajar berdasarkan perlembagaan dan perlembagaan parti itu.
Di Putrajaya, Muhyiddin berkata, satu pelan perancangan bagi mengentasi pusi jumlah keperluan tenaga kerja mahir setiap sektor industri perlu diberi keutamaan untuk dirumuskan dalam masa terdekat.
Timbalan Perdana Menteri berkata, ia bagi menangani isu ketidaksepadanan pembekalan dan permintaan tenaga kerja mahir, antaranya dalam sektor telekomunikasi, minyak dan gas, pertanian, pendidikan, elektronik serta infrastruktur.
"Keseimbangan menghasilkan jumlah tenaga kerja mahir yang mencukupi untuk setiap sektor ekonomi adalah perlu, kerana ia memberi kesan kepada prestasi produktiviti dan daya saing negara."
"Saya berharap Unit Perancang Ekonomi dan Kementerian Sumber Manusia menyelesaikan usaha perancangan ini serta disokong kementerian atau agensi yang bertanggungjawab bagi sektor masing-masing," katanya.
Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri, di sini semalam. Yang turut hadir, Menteri Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri Richard Riot Jaem, Timbalan Menteri, Datuk Seri Ismail Abd Muttalib dan Timbalan Menteri Kerja Raya, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin.
Sementara itu, pelatih GiatMARA Prima Tasek Gelugor, Pulau Pinang, Muhamad Hafiz Rohani, 20, dan tenaga pengajar GiatMARA Prima Kubang Pasu, Kedah, Mohd Khairul Afhar, 30, masing-masing membawa pulang RM10,000 selepas dinobatkan pemenang Anugerah Tangan Emas Perdana Menteri bagi kategori Pelajar dan Tenaga Pengajar.

Newspaper : BERITA HARIAN

Date : 30 January 2015

Page : 14

KRISIS DALAMAN MIC

Pemilihan semula mulai April

» Proses babit semua jawatan di peringkat cawangan, bahagian hingga presiden

Oleh Irwan Shafrizan Ismail
irwansha@bh.com.my

Putrajaya

Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) mengarahkan MIC mengadakan pemilihan semula untuk semua jawatan di peringkat cawangan, bahagian sehingga jawatan presiden, bermula April hingga Julai ini.

Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi, berkata pemilihan semula itu perlu untuk memastikan isu pertikaian dalam pemilihan bagi pemegang jawatan MIC dapat diselesaikan secara menyeluruh.

"Berikutan itu, MIC perlu mengadakan pemilihan semula peringkat cawangan pada bulan April, pemilihan presiden pada Mei, bahagian pada Jun serta pemilihan sayap Wanita, Pemuda, Putera dan Puteri MIC antara tempoh April hingga Jun.

"Pemilihan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC), naib presiden dan timbalan presiden serta mesyuarat agung diadakan pada Julai ini," katanya pada sidang media khas penjelasan isu ROS dan MIC di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Se-



(Dari kanan) Alwi, Ahmad Zahid dan Mohammad Razin pada sidang media bagi menjelaskan isu ROS dan MIC di Putrajaya, semalam. (FOTO FARIZ ISWADI ISMAIL/BH)

tiasaha Kementerian Dalam Negeri, Datuk Alwi Ibrahim dan Ketua Pengarah ROS, Mohammad Razin Abdullah.

Berikutan keputusan itu, Zahid berkata, ahli CWC yang dipilih pada 2009 dikekalkan sebagai CWC sementara atau interim hingga proses pemilihan semula itu selesai.

"CWC interim ini dikehendaki menubuhkan satu Jawatankuasa Pilihan Raya bagi mengendalikan proses pemilihan semula yang akan diadakan nanti.

Perlu proses pemutihan

"Hanya senarai pemilih dan cawangan pada tahun 2012 sahaja yang boleh diguna pakai untuk pemilihan semula ini. Proses pemutihan perlu dija-

lankan untuk memastikan hanya cawangan yang sah dan layak sahaja mengambil bahagian dalam pemilihan semula ini.

"CWC interim juga perlu mengemukakan kepada ROS senarai keseluruhan bahagian dan cawangan MIC dalam tempoh ditetapkan," katanya.

Zahid berkata, kegagalan MIC untuk melaksanakan langkah ditetapkan ROS boleh menyebabkan pendaftaran parti itu dibatalkan mengikut Seksyen 13 Akta Pertubuhan 1966.

Katanya, tindakan ROS meminta MIC mengadakan pemilihan semula dilihat pendekatan praktikal untuk menyelesaikan kemelut parti secara menyeluruh bagi men-

jamin proses pemilihan diadakan dengan bersih demi keadilan seluruh ahlinya.

Surat ROS mengenainya sudah dihantar kepada MIC, Jumaat lalu.

"Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, turut menekankan supaya kemelut MIC diselesaikan dan diterima semua ahli," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai CWC interim, Razin berkata, presiden parti mempunyai kuasa untuk melantik Setiausaha Agung yang baharu.

"ROS masih mengiktiraf Setiausaha Agung yang lama, namun presiden ada kuasa berikannya hendak lantik yang baharu tapi perlu disokong CWC interim," katanya.

Newspaper : BERITA HARIAN

Date : 10 February 2015

Page : 12

KENYATAAN MEDIA KP JPPM : ISU MOGOK LAPAR MIC



KENYATAAN MEDIA

YBRS. TUAN MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH

PENDAFTAR PERTUBUHAN MALAYSIA

MENGENAI PERISTIWA MOGOK LAPAR OLEH AHLI-AHLI MIC DI PERKARANGAN IBU PEJABAT JABATAN
PENDAFTARAN PERTUBUHAN MALAYSIA (JPPM) PUTRAJAYA.

23 JANUARI 2015, PUTRAJAYA

Pada 22 Januari 2015, jam 2.00 petang, mogok lapar telah diadakan di perkarangan Ibu Pejabat Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (JPPM). Mogok lapar ini dilakukan oleh Dato' G. Kumar Aaman yang menurutnya telah dilantik oleh Presiden MIC sebagai Setiausaha Agung yang baru menggantikan A. Prakash Rao. Beliau ditemani oleh beberapa orang penyokongnya. Antara individu yang dikenal pasti memberi sokongan dengan menemani beliau dalam mogok lapar ini ialah, Datuk S. Murugesan-Bendahari MIC, Sivasubramaniam-Ketua Penerangan MIC dan K.Murali-Peguam (bekas ketua PKR Puchong).

Memandangkan perlantikan pemegang jawatan peringkat pusat MIC ini masih belum diselesaikan lagi seperti yang ditetapkan, JPPM tidak dapat mengiktiraf beliau sebagai ahli CWC, yang dilantik sebagai Setiausaha Agung yang baru. Sehingga kini, pihak MIC masih belum memaklumkan mengenai pelantikan tersebut. Namun begitu, JPPM tiada halangan untuk mengadakan perjumpaan dengan beliau tetapi bukan atas kapasitinya sebagai Setiausaha Agung. Untuk tujuan tersebut, beliau telah pun diminta untuk mengemukakan surat daripada Presiden sebelum tarikh temujanji ditetapkan. Sehingga ke tarikh mogok ini diadakan, JPPM masih lagi belum menerima surat tersebut.

DALAMAN KEMERDEKAAN BERSEKUTUAN SIBER

Politik

Bila ROS Nak Selesaikan Isu Pemilihan CEC Parti DAP?

By Papa Diva March 5, 2015 : 1:37 pm



SUDAH lebih setahun isu Jabatan Pendaftaran Pertubuhan (ROS) dengan DAP berlanjutan tetapi tiada kedengaran pun bunyi apakah kesudahan hasil siasatan yang dilakukan oleh ROS.

Dalam satu laporan di Berita Harian (BH) bertarikh 19 April 2013, ROS dalam kenyataan media berkata mereka tidak mengiktiraf pemegang jawatan Jawatankuasa Eksekutif Pusat (CEC) parti itu yang memenangi pemilihan pada 15 Disember 2012.

Laporan itu memetik, Ketua Pengarah ROS Datuk Abdul Rahman Othman sebagai berkata bagaimanapun pendaftaran parti itu tidak terbatal.

MENARIK – DAP Tuduh Idris Jusoh Rujuk Institut Tidak Konsisten

Tindakan enggan mengiktiraf pemegang jawatan CEC itu dibuat mengikut Seksyen 3A Akta Pertubuhan 1996.

Dalam laporan BH itu juga, Abdul Rahman berkata siasatan berkenaan isu itu akan diteruskan.

Soalnya sampai bila?

Selepas 19 April 2015, genaplah dua tahun isu ini bagai tiada berkesudahan.

Isunya, pada 30 Julai 2013, ROS mengarahkan DAP mengadakan pemilihan semula



**ARAS 2 & 3,
BLOK B, BANGUNAN CHANCERY PLACE,
JALAN DIPLOMATIK 2, PRESINT DIPLOMATIK,
62542 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA,
MALAYSIA
TEL : +603-8890 5776 || +603-8889 5778
FAKS : +603-8889 3706**